

"YANG mendermakan hartanya dengan tujuan membersihkan dirinya dan harta bendanya, sedang ia tidak menanggung budi sesiapa pun, yang patut dibalas, hanyalah mengharapkan keredaan Tuhannya yang Maha Tinggi. Dan demi sesungguhnya, ia tetap akan berpuas hati pada hari akhirat, dengan mendapat segala yang diharapkannya".
Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al Lail ayat 18 - 21.

Berita Utama



MUNAJAT Khas semarak Hari Keputeraan Kebawah DYMM

Muka 6



MEMPERKUKUH pengurusan taman dengan piawaian diiktiraf antarabangsa

Muka 9



DRAMA 'Hentikan Buli : Bisai-bisai Pakai Al' warnai PBB 2026

Muka 10



RENCANA

MUZIUM Maritim Brunei Darussalam memelihara warisan maritim negara

Muka 20

BERKENAN HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada The Right Honourable Andy Burnham berikutan dengan pelantikannya sebagai Perdana Menteri United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland yang baharu.

Di dalam titah perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berharap agar The Right Honourable Andy Burnham akan mencapai kejayaan yang besar dan yakin di bawah kepimpinannya, United Kingdom (UK) akan terus mencapai kemajuan dan kemakmuran yang lebih tinggi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah bahawa Negara Brunei Darussalam (NBD) amat menghargai hubungan yang telah sekian lama terjalin dengan UK, berasaskan kepercayaan dan perkongsian sejarah serta ikatan yang berkekalan dalam Komanwel.

Kebawah DYMM juga menzahirkan harapan untuk terus memperkukuh kerjasama dua hala bersama dengan The Right Honourable Andy Burnham melalui



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada The Right Honourable Andy Burnham.

Dialog Strategik Brunei-UK serta dalam kerangka kerjasama serantau, termasuk Perkongsian Dialog ASEAN-UK.

Pada mengakhiri titah perutusan berkenaan, baginda seterusnya berharap



dapat bertemu dengan The Right Honourable Andy Burnham dan seterusnya mengucapkan semoga ianya akan sentiasa berada dalam keadaan sihat dan sejahtera.

Berkenan menyaksikan Majlis Penandatanganan Kontrak DPMM FC

Oleh : Aimi Sani

GADONG, Selasa, 21 Julai. - Majlis Penandatanganan Kontrak Kelab Bola Sepak Duli Pengiran Muda Mahkota (DPMM FC) bersama pemain-pemain dan penaja-penaja bagi Kejohanan Liga Super Malaysia Musim 2026 / 2027 telah berlangsung di Rizqun International Hotel,

petang tadi.

Berkenan berangkat menyaksikan Majlis Penandatanganan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan

Perdana Menteri merangkap Pengerusi DPMM FC.

Berangkat sama, anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim.

>> Muka 3

Memastikan kestabilan pentadbiran, kesejahteraan rakyat, negara terus terpelihara

Oleh : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 Julai. - Pelancaran Pelan Strategik Jabatan Perkhidmatan Awam 2026 - 2030 mencerminkan komitmen dan tanggungjawab berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam menyokong kecemerlangan Perkhidmatan Awam (PA) sebagai pemacu pembangunan negara.

Pelancaran pelan berkenaan bertepatan dengan perubahan landskap pentadbiran dan penyampaian PA yang semakin pesat dan

kompleks, dengan ekspektasi masyarakat terhadap perkhidmatan kerajaan terus meningkat selaras dengan perkembangan teknologi, perubahan corak pekerjaan serta keperluan penyampaian perkhidmatan yang lebih responsif, cekap dan berkesan.

>> Muka 5

Membangun negara dengan seni bina lestari, beridentiti Islam



MENTERI Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin berucap pada Majlis Perasmian Simposium Seni Bina Islam 2026 pada Rabu, 10 Jun 2026 yang berlangsung di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen
Wassalatu, Wassalaatu' Wassalaamu
'Ala Asyrafil Anbiya'e Walmursaleen
Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala
Aalihee Wasahbihee Ajma'een.
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam
Sejahtera

ALHAMDULILLAH Rabbil 'Alameen, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana diberi

kesempatan untuk bersama-sama hadir pada Majlis Perasmian Simposium Seni Bina Islam : Barakah dalam Bangunan - Amalan Seni Bina dan Kelestarian di Negara Brunei Darussalam.

Terlebih dahulu, saya merakamkan tahniah dan penghargaan kepada Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah serta Jawatankuasa Penganjur atas usaha menganjurkan simposium yang amat bermakna ini. Program seumpama ini mencerminkan komitmen berterusan dalam membudayakan ilmu dan memperkukuhkan pemikiran strategik dalam pembangunan negara.

Penganjuran simposium ini bertepatan dengan penganjuran dan selaras dengan objektif utama Brunei MYCE 2026 bagi mempromosikan dan memperbanyakkan lagi aktiviti berbentuk perkongsian ilmu, percambahan fikiran, pembarigaan penemuan-penemuan baharu dan peningkatan aktiviti *networking* di kalangan para ilmunan dari dalam dan luar negara, yang diharap dapat menyumbang kepada pertumbuhan sektor pelancongan dan juga ekonomi negara. Saya juga berharap lebih banyak simposium atau aktiviti seumpama ini dapat dianjurkan pada masa akan datang, ke arah mendukung penganjuran dan pelaksanaan Tahun Melawat Brunei 2027 nanti.

Tema 'Barakah dalam Bangunan' sangat bertepatan dengan keperluan masa kini. Dunia hari ini bukan sahaja memerlukan pembangunan yang pesat tetapi pembangunan yang berprinsip, beridentiti dan membawa manfaat berpanjangan.

Dalam Islam, konsep barakah menuntut agar setiap pembangunan dilaksanakan dengan niat yang baik, pengurusan yang amanah dan hasil yang memberi kesejahteraan kepada manusia serta alam sekitar.

Seni bina Islam sejak dahulu telah menunjukkan bahawa keindahan dan fungsi boleh berjalan seiring dengan nilai spiritual, kesederhanaan dan keseimbangan alam. Oleh itu, pendekatan ini amat relevan dalam mendepani cabaran moden seperti urbanisasi, perubahan iklim dan keperluan pembangunan lestari.

Negara Brunei Darussalam yang berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja mempunyai asas kukuh untuk terus menerajui pembangunan yang mengekalkan identiti kebangsaan dan nilai keislaman. Bangunan-bangunan di negara ini seharusnya bukan sahaja moden dan berdaya guna, tetapi turut mencerminkan jati diri bangsa dan aspirasi negara.

Saya berharap simposium ini akan menghasilkan resolusi, cadangan dan kerjasama strategik yang mampu menyumbang kepada masa depan pembangunan negara yang lebih mampan dan diberkati. Saya juga berharap generasi muda akan mengambil inspirasi daripada program ini untuk menceburi bidang seni bina, reka bentuk dan inovasi masa hadapan.

Dengan lafaz *Bismillahir Rahmanir Rahim* dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya dengan sukacitanya merasmikan Simposium Seni Bina Islam : Barakah dalam Bangunan - Amalan Seni Bina dan Kelestarian di Negara Brunei Darussalam.

Sekian, *Wabillahir Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

SENI bina Islam sejak dahulu telah menunjukkan bahawa keindahan dan fungsi boleh berjalan seiring dengan nilai spiritual, kesederhanaan dan keseimbangan alam. Oleh itu, pendekatan ini amat relevan dalam mendepani cabaran moden seperti urbanisasi, perubahan iklim dan keperluan pembangunan lestari. Negara Brunei Darussalam yang berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja mempunyai asas kukuh untuk terus menerajui pembangunan yang mengekalkan identiti kebangsaan dan nilai keislaman. Bangunan-bangunan di negara ini seharusnya bukan sahaja moden dan berdaya guna, tetapi turut mencerminkan jati diri bangsa dan aspirasi negara.

WAKTU SEMBAHYANG										
JULAI MASIHI	HARI	SAFAR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
22	RABU	7	4.43	4.53	6.16	6.40	12.28	3.51	6.38	7.52
23	KHAMIS	8	4.43	4.53	6.16	6.40	12.28	3.51	6.38	7.52
24	JUMAAT	9	4.43	4.53	6.16	6.40	12.28	3.51	6.37	7.51
25	SABTU	10	4.44	4.54	6.16	6.40	12.28	3.50	6.37	7.51
26	AHAD	11	4.44	4.54	6.16	6.40	12.28	3.50	6.37	7.51
27	ISNIN	12	4.44	4.54	6.16	6.40	12.28	3.50	6.37	7.51
28	SELASA	13	4.44	4.54	6.17	6.40	12.28	3.50	6.37	7.51

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU			
Bandar Seri Begawan			
34 26 °C		33 26 °C	
Pekan Bangar			
33 25 °C		33 26 °C	
Pekan Tutong			
34 26 °C		33 26 °C	
Kuala Belait			
34 25 °C		33 26 °C	

Wallahualam Bissawab

Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG

22 JULAI 2026

Peluang bertemu raja yang dikasihi, dicintai

MAJLIS Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjadi satu acara yang sangat dinantikan oleh rakyat dan penduduk di negara ini untuk bertemu dan merakamkan sembah tahniah Kehadapan Majlis baginda dan kerabat-kerabat diraja yang lain.

Pada tahun ini, Daerah Tutong menjadi daerah yang pertama untuk majlis tersebut yang akan diadakan di Kawasan Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Tutong. Sehubungan itu, inilah peluang keemasan bagi rakyat dan penduduk di daerah berkenaan untuk bertemu dan berjumpa ziarah bersama baginda.

Bertemu dengan raja yang dikasihi dan dicintai adalah satu momen yang penuh bermakna dan menyentuh hati. Ia bukan sekadar pertemuan fizikal, tetapi juga kesempatan untuk menzahirkan rasa syukur, kasih dan kesetiaan yang mendalam Kehadapan Majlis baginda.

Raja yang dikasihi dan dicintai menjadi lambang perpaduan, keadilan, kebijaksanaan dan kesejahteraan negara. Oleh itu, peluang untuk bertemu dan bersua muka Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menimbulkan perasaan bangga, syukur dan terharu dalam diri rakyat.

Pertemuan ini juga mencerminkan penghargaan terhadap institusi beraja yang memainkan peranan penting dalam memelihara keamanan, keharmonian serta warisan dan identiti negara.

Oleh itu, bertemu dan menjunjung ziarah Kehadapan Majlis baginda merupakan satu penghormatan yang besar, dengan demikian, setiap rakyat dan penduduk hendaklah menjaga adab, tingkah laku dan penampilan bagi mencerminkan rasa hormat terhadap institusi beraja.

Setiap individu hendaklah bersikap tenang, berbudi bahasa serta menjaga tutur kata. Sapaan kepada baginda perlu menggunakan bahasa yang sopan dan mengikut protokol yang ditetapkan. Sikap merendah diri, sabar dan berhemah mencerminkan akhlak yang baik serta penghormatan kepada raja.

Etika ketika bertemu raja yang dikasihi bukan sekadar memenuhi peraturan protokol tetapi mencerminkan nilai murni seperti hormat, kesopanan, disiplin dan penghargaan terhadap institusi beraja. Pengamalan etika yang baik akan menjadikan pertemuan tersebut lebih bermakna serta memperlihatkan keperibadian dan jati diri rakyat yang beradab.

Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk bagi Daerah Brunei dan Muara akan diadakan pada 29 Julai 2026 bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifudien, Bandar Seri Begawan manakala bagi Daerah Belait pula, majlis tersebut akan diadakan pada 1 Ogos 2026 bertempat di Kawasan Padang Bandaran, Kuala Belait dan Daerah Temburong pula pada 4 Ogos 2026 bertempat di Kawasan Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar.

Justeru, rakyat dan penduduk di setiap daerah adalah dijemput untuk hadir bagi sama-sama menjunjung keberangkatan baginda dan setentunya menjunjung ziarah serta beramah mesra bersama baginda yang disayangi sekali gus mencerminkan hubungan istimewa antara raja dan rakyat. Raja yang dikasihi bukan sahaja dihormati kerana kedudukannya sebagai ketua negara, malah disayangi kerana sifat kepimpinan yang berteraskan kebijaksanaan, keadilan, keprihatinan dan tanggungjawab terhadap kesejahteraan rakyat.

— Ketua Penyuntingan (Zk)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن، جابتن فردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERKENAN MENYAKSIKAN MAJLIS PENANDATANGANAN KONTRAK DPMM FC

>> Muka 1

Terdahulu, keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj, Timbalan Pengerusi DPMM FC dan Pengurus Am DPMM FC, Awang Mohamad Ali bin Haji Momin.

Majlis dimulakan dengan penandatanganan kontrak antara DPMM FC dan 25 pemain kelab tersebut, diikuti dengan kontrak bersama penaja-penaja yang menyokong kelab berkenaan.

Bagi penandatanganan kontrak pemain, DPMM FC diwakili oleh Pengurus Am DPMM FC, Awang Mohamad Ali dan Penolong Pengurus Pasukan, Awang Rosmin bin Haji Kamis.

Sementara itu, bagi penandatanganan kontrak penaja, kelab tersebut diwakili oleh Pengurus Am DPMM FC dan Pengurus Pemasaran, Awang Haji Momin bin Haji Mohd. Ja'afar.

Penaja-penaja yang terlibat termasuklah Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB); Datastream Digital Sdn. Bhd.; Mitsubishi Corporation; Jollibee Entrek (B) Sdn. Bhd.; Baiduri Bank Sendirian Berhad; Hui Huang Enterprise (You.C1000);



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi DPMM FC berangkat bagi menyaksikan Majlis Penandatanganan Kontrak DPMM FC bersama pemain-pemain dan penaja-penaja bagi Kejohanan Liga Super Malaysia Musim 2026 / 2027. Berangkat sama, anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim (kiri dan kanan).

Begawan Athlete Enterprise; MCHB-RRP Foods Sdn. Bhd.; Brunei Shell Marketing Sdn. Bhd. (BSM); Borneo Genomics Innovation Sdn. Bhd.; Nazmi Textile Mall; Waznah Enterprise Sdn. Bhd. dan Sports Nation Company.

Kesemua penaja diwakili oleh pengurus dan pegawai-pegawai kanan syarikat masing-masing.

Seterusnya, Duli Yang Teramat Mulia berkenan dijunjung bagi menyempurnakan pengurniaan cenderamata kepada penaja-penaja DPMM FC serta menerima pesambah daripada kelab yang disampaikan oleh

Awang Mohamad Ali.

Majlis turut dimeriahkan dengan pelancaran rasmi jersi baharu DPMM FC bagi Musim 2026 / 2027. Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYTM dijunjung berkenan bergambar ramai bersama para pemain dan penaja.

Bagi Musim 2026 / 2027 sebanyak 12 pasukan akan berentap dalam Kejohanan Liga Super Malaysia, yang akan berlangsung dalam dua pusingan.

DPMM FC dijadualkan untuk beraksi sebanyak 22 perlawanan iaitu 11 perlawanan di

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

gelanggang sendiri iaitu di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas dan 11 lagi perlawanan di luar negara iaitu Malaysia.

Sebanyak 12 pasukan yang akan mengambil bahagian pada musim ini ialah Johor Darul Ta'zim (JDT), Kuching City FC, Selangor FC, Kuala Lumpur City FC, Terengganu FC, Star City FC, Negeri Sembilan FC, Penang FC, Sabah FC, DPMM FC, Melaka FC dan Kelantan Red Warrior FC.

Selain itu, DPMM FC juga akan mengambil bahagian dalam Kejohanan Piala FA yang menggunakan format kalah mati serta kejohanan paling berprestij

dalam bola sepak Malaysia iaitu Piala Malaysia.

Bagi menghadapi cabaran musim ini, DPMM FC telah melakukan persiapan rapi dengan membentuk sebuah pasukan mantap yang menggabungkan pemain-pemain baharu dan sedia ada termasuk pemain import bagi memperkukuhkan pasukan dan menyahut cabaran kejohanan musim ini.

Perlawanan pertama DPMM FC menentang Penang FC akan dijadualkan berlangsung pada Ahad, 23 Ogos 2026 bertempat di Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan, Malaysia.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan anakanda Duli Yang Teramat Mulia dijunjung bagi sesi bergambar ramai dan seterusnya DYTM berkenan dijunjung bagi menyempurnakan pengurniaan cenderamata kepada penaja-penaja DPMM FC (atas kiri dan atas kanan). Sementara gambar bawah kiri, pelancaran rasmi jersi baharu DPMM FC bagi Musim 2026 / 2027, manakala bawah kanan pula, sekitar majlis penandatanganan berkenaan.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam berkenan berangkat ke Majlis Makan Malam Gala.

MANILA, REPUBLIK FILIPINA,

Selasa, 21 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam (NBD) berkenan berangkat mengadakan Pertemuan Dua Hala bersama Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Dr. Kao Kim Hourn; dan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Thongsavan Phomvihane.

Semasa Pertemuan Dua Hala bersama Setiausaha



Agung ASEAN, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen bersabda merakamkan penghargaan atas sokongan berterusan Sekretariat ASEAN dalam memajukan usaha pembinaan Komuniti ASEAN serta pelaksanaan ASEAN Community Vision 2045.

Pertemuan Dua Hala bersama Tuan Yang Terutama Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Demokratik Rakyat Lao memberi peluang kedua-dua belah pihak menyatakan kegembiraan terhadap kemajuan yang memberangsangkan dalam Strategic Partnership antara NBD dan Republik Demokratik Rakyat Lao, khususnya

BERANGKAT KE PERTEMUAN DUA HALA, MAJLIS MAKAN MALAM GALA

dalam bidang perdagangan, pertahanan, pendidikan serta hubungan antara rakyat.

Pada sebelah malam, Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam berkenan berangkat ke Majlis Makan Malam Gala bersama Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN, Menteri-menteri Luar Rakan-rakan Dialog ASEAN serta rakan-rakan luar yang lain.

Majlis berkenaan dihoskan oleh Setiausaha Hal Ehwal Luar Negeri Republik Filipina, Puan Yang Terutama Ma. Theresa P. Lazaro, di Museo del Galeon.

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Ihsan Azeez Jaafar



Memastikan keperluan, kepentingan ASEAN jadi tumpuan utama dalam kerjasama



MANILA, REPUBLIK FILIPINA,

Selasa, 21 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam (NBD) berkenan berangkat bagi menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN Ke-59, Post-Ministerial Conferences and Related Meetings yang diadakan pada 20 hingga 23 Julai 2026, di Manila, Republik Filipina.

Pada sebelah pagi, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan berangkat menghadiri Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN Ke-59 yang disempurnakan oleh Setiausaha Hal Ehwal Luar Negeri Republik Filipina, Puan Yang Terutama Ma. Theresa P. Lazaro, yang berlangsung di Philippine International

Convention Center.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan menyertai Sesi Plenari dan Retreat Mesyuarat Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN. Para menteri bertukar - tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa serta membincangkan pelbagai perkara, termasuk Pembinaan Komuniti ASEAN dan hubungan luar.

Semasa Sesi Plenari, DYTm bersabda menekankan kepentingan menegaskan aturan antarabangsa berasaskan peraturan serta memastikan agar keperluan dan kepentingan ASEAN terus menjadi tumpuan utama dalam kerjasamanya.

Dalam hubungan ini, DYTm dalam sabda menekankan kepentingan menggalakkan lebih banyak negara untuk menyertai Treaty of Amity and Cooperation in Southeast Asia (TAC) bagi memperkukuh keamanan, kestabilan dan kerjasama serantau.

DYTm seterusnya bersabda menegaskan keperluan untuk

mempertingkatkan usaha bersama dalam menangani cabaran, khususnya perubahan iklim, dengan menekankan peranan ASEAN Centre for Climate Change di NBD dalam menyelaras usaha serantau bagi menangani perubahan iklim.

Semasa Sesi Retreat, para menteri bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama, termasuk situasi di Timur Tengah yang memberikan kesan yang meluas terhadap ekonomi dan kesejahteraan rakyat di rantau Asia Tenggara.

DYTm ketika mengurniakan sabda juga menekankan kepentingan mengekalkan saluran komunikasi yang terbuka serta menggesa semua pihak agar mengamalkan sikap menahan diri dan menyelesaikan sebarang perbezaan secara aman selaras dengan undang-undang antarabangsa.

DYTm bersama Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN yang lain, semasa Sesi Extended Informal Consultation,

membincangkan perkembangan situasi politik di Republik Kesatuan Myanmar serta usaha untuk memajukan pelaksanaan Five Point Consensus (5PC).

DYTm dalam sabda turut merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Thailand atas penganjuran mesyuarat tidak rasmi yang baharu diadakan di Bangkok serta menekankan kepentingan proses perdamaian yang inklusif dengan melibatkan semua pihak yang berkepentingan.



MEMASTIKAN KESTABILAN PENTADBIRAN, KESEJAHTERAAN RAKYAT, NEGARA TERUS TERPELIHARA

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hasif Matzin

>> Muka 1

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad menyatakan perkara berkenaan semasa menyampaikan ucapan pada Majlis Pelancaran Pelan Strategik Jabatan Perkhidmatan Awam 2026 - 2030 yang berlangsung di Dewan Bankuet, JPM, di sini, hari ini.

Menurut Yang Berhormat lagi, dunia kini berhadapan dengan pelbagai tekanan yang berlaku secara serentak dan saling berkait termasuk ketegangan geopolitik, ketidakpastian ekonomi global, perubahan iklim, gangguan teknologi serta perubahan sosial yang semakin pantas berubah.

"Kesan daripada perubahan ini turut dirasai oleh sektor awam di seluruh dunia, tidak terkecuali di Negara Brunei Darussalam (NBD).

"Krisis dan gangguan kini berlaku dengan lebih cepat, bertahan lebih lama dan memberi impak yang lebih besar kepada masyarakat dan sistem pentadbiran kerajaan," jelas Yang Berhormat.

Dalam keadaan sedemikian,

kata Yang Berhormat, masyarakat mengharapkan PA yang lebih responsif, lebih tangkas, cekap, telus dan mampu bertindak dengan pantas dalam situasi yang kompleks dan tidak menentu.

Justeru, tambah Yang Berhormat lagi, selaku tulang belakang pentadbiran kerajaan, PA memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan kestabilan pentadbiran, keberkesanan pelaksanaan dasar serta kesejahteraan rakyat dan negara terus terpelihara.

"Keupayaan sesebuah negara untuk terus bergerak maju bukan sahaja bergantung kepada perancangan yang baik tetapi juga kepada institusi awam yang diyakini, mempunyai tadbir urus atau *governance* yang kukuh, berintegriti dan berupaya melaksanakan amanah serta tanggungjawab dengan berkesan," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat selanjutnya berkata dalam menghadapi cabaran berkenaan, pendekatan pentadbiran yang lebih inovatif, terbuka kepada pembaharuan dan mampu bergerak secara lebih kolaboratif serta berpandangan jauh menjadi semakin penting.

Tambah Yang Berhormat lagi, PA tidak seharusnya terus terikat kepada pendekatan

konvensional, sebaliknya perlu berani meneroka pendekatan baharu atau *out-of-the-box*, menggalakkan budaya inovasi serta sentiasa mencari kaedah yang lebih cekap, pantas dan berimpak tinggi dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat dan negara.

"Dalam konteks ini, Pelan Strategik JPA 2026 - 2030 merupakan satu langkah yang signifikan dalam memastikan JPA selaku agensi fokal pengurusan sumber manusia sektor awam akan terus bersedia menghadapi cabaran dan keperluan masa hadapan.

"Peramba / saya berharap supaya pelan strategik ini akan menjadi salah satu landasan bagi memperkukuhkan lagi keupayaan JPA agar kekal terus relevan dalam mendukung aspirasi pembangunan negara ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

"Sehubungan itu, pelaksanaan pelan strategik ini juga wajar sentiasa dinilai dari semasa ke semasa termasuk melalui semakan pertengahan penggal (Mid-Term Review) supaya keutamaan dan pelaksanaannya akan dapat terus diperkukuhkan serta diperkukuhkan selaras dengan perubahan persekitaran dan keperluan semasa," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat juga percaya

bahawa kecemerlangan PA tidak hanya bergantung kepada sistem, proses atau teknologi semata-mata, tetapi lebih utama bergantung kepada kualiti warganya.

Justeru, kata Yang Berhormat, usaha memperkukuh pembangunan kapasiti modal insan, meningkatkan kompetensi, kemahiran kepimpinan, literasi digital, budaya pembelajaran sepanjang hayat serta daya inovasi perlu terus diberikan penekanan.

Pada masa yang sama tambah Yang Berhormat lagi, kebajikan warga PA serta penyediaan persekitaran kerja yang kondusif, inklusif, selamat dan menyokong kesejahteraan mental serta fizikal juga perlu terus diperkasa kerana organisasi yang cemerlang lahir daripada warga kerja yang dihargai, bermotivasi dan berdaya tahan.

Yang Berhormat juga menggariskan peranan teknologi dan pendigitalan yang semakin besar dalam memperkukuh keupayaan PA menghadapi masa hadapan. Penggunaan data dan teknologi secara strategik adalah antara pemangkin penting ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap, pembuatan keputusan yang lebih tepat serta pengurusan sumber manusia yang lebih berkesan.

"Inisiatif seperti Sistem Sumber Manusia (SSM) merupakan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Urustadbir Perkhidmatan Awam) berucap pada Majlis Pelancaran Pelan Strategik Jabatan Perkhidmatan Awam 2026 - 2030 yang berlangsung di Dewan Bankuet, JPM.

antara usaha yang dapat menyokong pentadbiran yang lebih bersepadu, berasaskan maklumat dan responsif terhadap keperluan semasa.

"Walau bagaimanapun, dalam memanfaatkan kemajuan teknologi, pendekatan yang seimbang perlu sentiasa diambil kira.

"Perkembangan pendigitalan bukanlah untuk dinafikan, sebaliknya perlu disertai dengan langkah-langkah yang bersesuaian bagi memastikan keselamatan siber terus diperkukuhkan, di samping mengelakkan sebarang penyalahgunaan teknologi dan data agar manfaatnya dapat dinikmati secara bertanggungjawab, selamat dan beretika," ujar Yang Berhormat lagi.

Pelan Strategik Jabatan Perkhidmatan Awam 2026-2030 dilancarkan



YANG Berhormat Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam) hadir dan bergambar ramai pada Majlis Pelancaran Pelan Strategik Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) 2026 - 2030 (atas), sementara gambar bawah kanan, Pelan Strategik JPA 2026 - 2030 menggariskan hala tuju dan keutamaan strategik jabatan bagi tempoh lima tahun akan datang.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 Julai. - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Perdana Menteri (JPM) melancarkan Pelan Strategik JPA 2026 - 2030 dalam majlis yang berlangsung di Dewan Bankuet, JPM, di sini, hari ini.

Pelancarannya disempurnakan oleh Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap di JPM; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, ketua-ketua jabatan, pengarah-pengarah pentadbiran di kementerian-kementerian, pegawai-pegawai pentadbir, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan para jemputan.

Pelancaran berkenaan menandakan satu lagi pencapaian penting dalam memperkukuh hala

tuju dan keutamaan strategik JPA selaras dengan perkembangan keperluan Perkhidmatan Awam (PA) serta aspirasi pembangunan negara.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Norfarizal bin Othman dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan bahawa pelancaran Pelan Strategik JPA 2026 - 2030 merupakan satu lagi detik pencapaian penting dalam usaha berterusan JPA memperkukuh peranan dan keupayaannya sebagai agensi peneraju pengurusan sumber manusia sektor awam, selaras dengan perkembangan keperluan PA dan agenda pembangunan negara.

Beliau juga menekankan dalam persekitaran yang semakin dinamik, kecemerlangan sesebuah organisasi bergantung kepada keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan, di samping terus membudayakan nilai-nilai teras dan etika kerja yang tinggi

dalam kalangan warga PA.

Tambahnya lagi, pengalaman serta pencapaian yang diraih menerusi pelaksanaan pelan strategik terdahulu telah menjadi pemangkin kepada usaha penambahbaikan berterusan dalam memperkukuh penyampaian perkhidmatan kepada pelbagai pihak berkepentingan.

Dr. Norfarizal juga berharap agar pelan strategik berkenaan akan menjadi panduan dan pemangkin kepada usaha berterusan dalam membentuk sebuah PA yang lebih tangkas, berintegriti, berdaya tahan dan bersedia menghadapi masa hadapan demi kemajuan dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam.

Pelan Strategik JPA 2026 - 2030 menggariskan hala tuju dan keutamaan strategik jabatan bagi tempoh lima tahun akan datang berlandaskan misi 'Memperkukuh Kepercayaan, Menerajui Kecemerlangan', dengan aspirasi

untuk menjadi 'Peneraju dalam Memajukan PA Cemerlang Melalui Kepakaran Sumber Manusia dan Pematuhan' menjelang 2030.

Pelan Strategik berkenaan berteraskan empat Bidang Keberhasilan Strategik (Strategic Result Areas - SRAs), iaitu Penyampaian PA yang Cekap dan Berkesan, Khidmat Nasihat Sumber Manusia yang Inovatif dan Berkepakaran, Integriti Institusi dan Keyakinan Awam dan Ekosistem Peraturan yang Kukuh dan Saksama.

Keempat-empat Bidang Keberhasilan Strategik berkenaan disokong oleh tujuh inisiatif strategik yang memberi tumpuan kepada Kerangka Dasar dan Tadbir Urus Sumber Manusia; Kepimpinan dan Perancangan Penggantian; Pembelajaran, Keupayaan dan Pembangunan Tenaga Kerja; Kesejahteraan Warga Kerja dan Persekitaran Tempat Kerja yang Menyokong; Pendigitalan dan Teknologi Sumber Manusia; Pengukuhan Pengawasan Strategik dan Integriti Tadbir Urus; dan Kerjasama dan Penandaarasan Serantau dan Antarabangsa.

Bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan, pelan strategik berkenaan disokong oleh satu kerangka objektif prestasi yang komprehensif berserta mekanisme pemantauan yang tersusun termasuk semakan prestasi secara suku tahunan, pelaporan tahunan serta pemantauan prestasi secara digital bagi menilai kemajuan dan pencapaian sepanjang tempoh pelaksanaannya.

Pembangunan pelan strategik berkenaan telah dimulakan pada 2025 melalui proses perancangan strategik yang berstruktur dan bersifat konsultatif. Pelan

berkenaan dirumuskan melalui kerangka perancangan strategik yang merangkumi empat peringkat utama, iaitu perancangan dan penyelidikan, analisis strategik, perumusan strategi serta pelaksanaan strategi.

Proses penyediaannya melibatkan bengkel perancangan strategik, mesyuarat Pasukan Petugas dan *retreat* perancangan strategik, di samping mengambil kira pengalaman daripada pelaksanaan pelan-pelan strategik terdahulu, analisis terhadap persekitaran strategik yang sentiasa berkembang, penglibatan pihak-pihak berkepentingan serta perubahan peranan JPA dalam menyokong proses desentralisasi pengurusan sumber manusia di seluruh PA.

Pelan strategik berkenaan turut mencerminkan komitmen berterusan JPA dalam memperkukuh pengawasan strategik, meningkatkan keupayaan organisasi serta menyokong pembangunan sebuah PA yang diyakini, berprestasi tinggi dan bersedia menghadapi masa hadapan demi terus memberikan perkhidmatan yang berkesan kepada kerajaan dan orang ramai.



MUNAJAT KHAS SEMARAK HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DYMM

ACARA Munajat Khas
disertai bersama oleh Yang
Berhormat Menteri Hal Ehwal
Agama.



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 Julai. - Tanggungjawab pelajar kepada raja dan negara ditunjukkan dengan mengetahui peranan sultan serta memahami sejarah negara dan Sultan-sultan Brunei.

Selain itu, mengamalkan nilai-nilai kemelayuan, keislaman dan keberajaan (Melayu Islam Beraja), mematuhi peraturan dan undang-undang termasuk peraturan sekolah, belajar dan berilmu pengetahuan serta menggunakan media sosial dengan bijak dan tanggungjawab. Kesemua ini menunjukkan pelajar taat setia dan mengasihi raja dan negara.

Perkara tersebut antara yang dikongsikan di dalam Perkongsian Ilmu bertajuk 'Tanggungjawab Pelajar Kepada Raja dan Negara' disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja, Kementerian Pendidikan, Dr. Dayang Siti Salwana Syarfa binti Haji Dahlan bagi menyerikan lagi Munajat Khas Semarak Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 anjuran

Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke - 239 diselenggarakan dengan Program Keagamaan Senegara, Jabatan Pengajian Islam (JPI).

Acara Munajat Khas yang diadakan petang tadi itu disertai bersama oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dari Surau KHEU.

Turut serta, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap

(Pentadbiran dan Kewangan) KHEU serta para pegawai kerajaan, guru-guru dan pelajar-pelajar dari sekolah Arab dan ugama di bawah KHEU.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau dari Dewan Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Pekan Bangar. Selepas bacaan Sayyidul

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Guru Ugama Tingkat II, JPI, KHEU, Awang Abdul Aziz bin Haji Hamzah dari Sekolah Ugama Bokok, Temburong.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Pelajaran, JPI, KHEU, Awang Muhammad Abdul Hadi bin Haji Bagol dari Sekolah Arab Temburong.

Selesai Perkongsian Ilmu, disusuli dengan bacaan Zikir

Al-Maghfirah Wa Ar-Rahmah oleh Guru Ugama Terlatih, JPI, KHEU, Abang Hariz bin Abang Hadzman dari Sekolah Ugama Lamunin, Tutong bersama guru-guru dan pelajar-pelajar dari Sekolah Ugama Lamunin, Tutong.

Sebelum mengakhiri acara, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Pelajaran, JPI, KHEU, Awang Haji Asri bin Haji Timbang dari Sekolah Arab Temburong.

Memperkasa budaya membaca dalam kalangan pelajar

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Selasa, 21 Julai. - Nur Fatin Alisha binti Mohammad Azri dari Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar Kiarong dan Adam Donsal Jusayan dari Sekolah Cemerlang Abejess masing-masing menjuarai Pertandingan Mari Bercerita 2026.

Menjuarai bagi Kategori 'A' dalam Bahasa Melayu, Nur Fatin Alisha mengetengahkan cerita mengenai 'Misteri di Sebalik Rumah Terbiar'.

Tempat kedua disandang oleh Nur Aimann Hasbi bin Mohamed Zulkurnaennadilah dari Sekolah Rendah Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddin manakala tempat ketiga, Abdul Qarizh Khayrullah bin Abdul Qhairul Muizzadin dari Sekolah Rendah Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddin.

Sementara itu, juara Kategori 'B' dalam Bahasa Inggeris, Adam Donsal Jusayan pula mengetengahkan cerita mengenai 'The Boy Who Outsmarted AI'.

Tempat kedua disandang oleh

PENGETUA Pusat Sejarah Brunei, Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah dan cenderamata kepada para penerima.

Shaikh Muhammad Ammar bin Mohammad Dzulazmi / Shaikh Mohammad Dzulazmi dari Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, diikuti tempat ketiga ialah Hanie 'Aishley binti Nasrul Muhaimin dari Sekolah Sunshine.

Pada pertandingan tersebut juga, Nur Aimann Hasbi turut diumumkan sebagai pemenang hadiah Persembahan Terbaik.

Hadir selaku tetamu kehormat pada pertandingan yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini, ialah Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong yang



seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah dan cenderamata kepada para pemenang.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Perpustakaan mengukuhkan projek tahunan DBP, iaitu Pertandingan Mari Bercerita yang bertujuan untuk menarik minat membaca serta memperkasakan budaya membaca dalam kalangan masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

Pertandingan Mari Bercerita Peringkat Akhir tahun ini diadakan

bersempena dengan Pesta Buku Brunei 2026.

Dengan tema 'Baca Hari Ini, Cipta Hari Esok', pertandingan ini menggalakkan kanak-kanak menghayati nilai membaca melalui penyampaian cerita yang kreatif, imaginatif dan bermakna selaras dengan aspirasi Strategi Membaca Kebangsaan, iaitu membudayakan amalan membaca sebagai gaya hidup dan asas pembentukan masyarakat.

Turut hadir, pengarah-pengarah, timbalan pengarah, pegawai-pegawai kanan, pengetua dan guru-guru besar, guru-guru, pegawai, kakitangan kerajaan, ibu bapa dan murid-murid.

Juara pertandingan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND500, naib johan menerima BND400, tempat ketiga menerima BND300 dan hadiah sagu hati sebanyak BND100.

Lapan peserta yang mara ke peringkat akhir juga menerima hadiah tajaan berupa wang simpanan akaun Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) bernilai BND200, BND150, BND100 dan BND50 beserta dengan cenderamata, baucar dan hamper daripada BIBD, RHB Bank Berhad, Mangrove Resort Paradise, Aman Hills Hotel, Firoz Jaya Silkhouse Sdn. Bhd., PDS Abattoir Sdn. Bhd., Southern Cross Travel Agencies Sdn. Bhd., D'Sunlit Sdn. Bhd., Zyan Restaurant and Catering, Margheritta Pizza, The Rizqun International Hotel, Pusat Akademi Sukan Memanah Ar-Rafi (PASMA), Royal Brunei Airlines (RB), Ying Bee Company, Little Ummi, Syarikat Samima Sdn. Bhd., Best Eastern, Jerudong Park Country Club, Mashhor General Contractor Sdn. Bhd. dan Restoran Normas Hidayat.



SALAH seorang peserta yang menyertai Pertandingan Mari Bercerita 2026.

CITRAWARNA JUBLI INTAN 75 TAHUN SM SMJA WARNAI PENTAS PERAYAAN



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Putat selaku tetamu kehormat majlis dan isteri, yang turut meluangkan masa bagi menyaksikan persembahan pentas berkenaan (atas), manakala gambar kanan, antara yang menyertai persembahan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 Julai. - Pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA) malam tadi menganjurkan Persembahan Pentas Perayaan 'Citrawarna Jubli Intan 75 Tahun SM SMJA', yang menghimpunkan penyertaan pelajar, guru-guru, kakitangan serta alumni sekolah SM SMJA dalam satu persembahan yang penuh warna-warni, kreatif dan bermakna.

Acara yang berlangsung di Pentas Perayaan Kawasan Letak Kereta berhadapan Muzium Alat Kebesaran Diraja berkenaan diserikan lagi dengan kehadiran Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat selaku tetamu kehormat majlis dan isteri, yang turut meluangkan masa bagi menyaksikan persembahan pentas berkenaan.

Persembahan pentas

berkenaan diadakan bersempena dengan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, bertepatan dengan Sambutan Jubli Intan (75 Tahun) SM SMJA.

Penganjuran persembahan pentas berkenaan bukan sahaja menjadi lambang kesyukuran dan penghormatan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, malah turut meraikan 75 tahun perjalanan SM SMJA dalam melahirkan generasi yang berilmu, berakhlak dan berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

Disamping itu, persembahan pentas berkenaan juga menjadi wadah untuk mengeratkan silaturahim di antara warga sekolah, alumni dan ibu bapa melalui pelbagai persembahan seni yang mencerminkan identiti sekolah, menyerlahkan bakat serta memupuk semangat kerjasama dan perpaduan.

Sepanjang acara berlangsung, para peserta menampilkan

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad



pelbagai persembahan seperti tarian, deklamasi sajak, nyanyian solo dan akustik, drama pentas bahasa Melayu, drama pentas bahasa Inggeris dan nyanyian ramai, sekali gus berjaya menyemarakkan lagi suasana sambutan serta menghiburkan para pengunjung daripada pelbagai lapisan masyarakat.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat majlis, para peserta persembahan, warga sekolah dan

ahli jawatankuasa acara persembahan pentas, diikuti dengan penyerahan cenderamata kepada tetamu kehormat majlis.

Penganjuran persembahan pentas berkenaan diharap akan terus menjadi kenangan bermakna dalam lipatan sejarah SM SMJA di samping memperkukuh semangat kebersamaan dan komitmen seluruh warga sekolah untuk meneruskan kecemerlangan pada masa hadapan.

Seorang warga asing ditahan terlibat pemasangan peranti *skimming*

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 Julai. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dengan bantuan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah berjaya menahan seorang lelaki warganegara asing yang disyaki terlibat dalam pemasangan peranti *skimming* (*skimming device*) di mesin juruwang automatik (ATM) dalam negara.

Penahanan berkenaan dibuat baru-baru ini oleh pihak PDRM di Miri, Sarawak, berikutan laporan yang diterima oleh Balai Polis Bandar Seri Begawan daripada pihak bank berkenaan pada hari Ahad.

Suspek berkenaan seterusnya diserahkan kepada pihak PPDB bagi siasatan lanjut.

Suspek kini ditahan oleh pihak PPDB bagi membantu siasatan lanjut di bawah Seksyen 5, Akta Penyalahgunaan Komputer, Penggal 194 (Computer Misuse Act, Chapter 194). Siasatan masih giat dijalankan bagi mengenal pasti tahap penglibatan suspek, kaedah yang digunakan serta kemungkinan penglibatan individu atau rangkaian lain dalam kegiatan berkenaan.

PPDB ingin menasihatkan orang ramai supaya sentiasa berwaspada ketika menggunakan ATM dengan membuat pemeriksaan ke atas bahagian slot kad dan papan kekunci bagi memastikan tiada peranti atau objek mencurigakan dipasang.

Orang ramai juga dinasihat

untuk melindungi papan kekunci ketika memasukkan nombor pengenalan peribadi (PIN), di samping sentiasa memantau rekod transaksi dan baki akaun masing-masing.

Sekiranya mendapati sebarang peranti, objek atau aktiviti yang mencurigakan pada ATM, orang ramai dinasihatkan supaya tidak menggunakan mesin atau menyentuh peranti berkenaan dan segera menghubungi pihak bank berkenaan dan membuat laporan kepada pihak PPDB di Talian Kecemasan Polis 993.

PPDB memandang serius sebarang kegiatan jenayah yang boleh menjejaskan keselamatan kewangan orang ramai dan akan terus mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana individu yang terlibat.



Permohonan Kurnia Tambang Menunaikan Fardu Haji dibukakan

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 Julai. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Urusan Haji (JUH) sukacita memaklumkan kepada pegawai dan kakitangan kerajaan, sama ada yang sedang berkhidmat mahupun yang telah bersara bahawa permohonan Kurnia Tambang Menunaikan Fardu Haji bagi Tahun 1448 Hijrah / 2027 Masihi telah pun dibukakan mulai Isnin, 20 Julai 2026.

Semua permohonan hendaklah dihadapkan kepada JUH, KHEU melalui ketua jabatan masing-masing tidak lewat Sabtu, 19 September 2026.

Pegawai dan kakitangan yang berhasrat untuk memohon Kurnia Tambang Menunaikan Fardu Haji bagi Tahun 1448H / 2027M bolehlah mendapatkan borang permohonan pada hari-hari bekerja iaitu bermula pukul 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan disambung semula pada pukul 2.00 petang hingga 3.30 petang.

Borang permohonan boleh diperolehi di JUH, Tingkat 2, Bangunan Tambahan, KHEU, Jalan Dewan Majlis, Negara Brunei Darussalam dan di Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Selain itu, borang permohonan pengurniaan tambang tersebut juga boleh dimuat turun melalui laman sesawang rasmi JUH di pautan www.juh.gov.bn.



PASUKAN Polis Diraja Brunei dengan bantuan Polis Diraja Malaysia berjaya menahan seorang lelaki warganegara asing yang disyaki terlibat dalam pemasangan peranti *skimming* (*skimming device*) di mesin juruwang automatik (ATM) dalam negara (atas, kiri dan atas kanan).

Pementasan Permata Seni ketengahkan persembahan kebudayaan, muzikal

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 Julai. - Pementasan Permata Seni berjaya mencuri perhatian ramai pengunjung dengan menyajikan pelbagai persembahan menarik mereka di Pentas Perayaan di ibu negara, sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun.

Ahli Kumpulan Permata Seni adalah gabungan artis, penyanyi, pelakon, penari,

penyair, pemuisi dan pesilat yang terdiri daripada kalangan anak-anak remaja dan dewasa di Daerah Brunei dan Muara, yang sering mengadakan persembahan dan pementasan kebudayaan, tarian tradisional, nyanyian, teater dan muzikal.

Persembahan malam tadi yang bertemakan 'Malam Irama Joget Permata Seni' menampilkan pelbagai nyanyian, zapin, joget, tarian dan antara yang ikut serta menyerlahkan bakat nyanyiannya ialah finalis Bintang Kecil, Aryan Raycarl, yang berusia 11 tahun, nyanyian suara emas daripada Wan Zikri serta persembahan sketsa komedi 'Siapa Basar' gabungan pelakon veteran Hajah Halimah

(dikenali sebagai Mama Lina) dengan Kumpulan Permata Seni.

Selain menyemarakkan lagi sambutan perayaan, Kumpulan Permata Seni juga terkenal sebagai platform penggilap bakat seni muda yang memberikan peluang kepada para belia untuk menampilkan bakat serta menyerlahkan potensi diri dalam bidang seni kebudayaan, tarian, sketsa dan sebagainya.

Hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan persembahan tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok dan Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh selaku Pengerusi Sementara Majlis Perundingan Mukim Kianggeh.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Subok dan Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh selaku Pengerusi Sementara Majlis Perundingan Mukim Kianggeh hadir selaku tetamu kehormat majlis.



ANTARA yang hadir menyaksikan persembahan yang diadakan di ibu negara (atas dan kanan).



LAGU NOSTALGIA HIBURKAN PENTAS PERAYAAN DAERAH TEMBURONG

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Foto : Mohammad Hasif Matzin

TEMBURONG, Isnin, 20 Julai. - Suasana Pentas Perayaan bersempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bertambah meriah apabila persembahan *live band* menampilkan lagu popular era 1980-an dan 1990-an yang menghiburkan para pengunjung hadir daripada pelbagai lapisan usia.

Persembahan yang

berlangsung di Pentas Perayaan, Kawasan Dermaga, Pekan Bangar, Daerah Temburong itu dihadiri oleh Penghulu Mukim Zon 1, Daerah Temburong, Awang Arbi bin Haji Shahari selaku tetamu kehormat majlis.

Sebanyak 25 buah lagu daripada era 1980-an dan 1990-an dipersembahkan oleh AMP Band (Amplifier Band), sekali gus mengimbau nostalgia para peminat muzik.

Persembahan yang menampilkan pelbagai genre seperti balada, berjaya memikat perhatian para penonton yang turut sama

PERSEMPAHAN daripada AMP Band (Amplifier Band), mengimbau nostalgia para peminat muzik (bawah kiri), manakala gambar kanan, Penghulu Mukim Zon 1, Daerah Temburong, Awang Arbi bin Haji Shahari selaku tetamu kehormat majlis. Sementara gambar bawah kanan, antara yang hadir menyaksikan persembahan.

menyanyikan lagu-lagu yang dipersembahkan.

Acara berkenaan bukan sahaja menjadi wadah hiburan kepada orang ramai, malah turut mengeratkan hubungan silaturahmi dalam kalangan masyarakat yang hadir bersama ahli keluarga dan rakan-rakan.



Penganjuran persembahan seumpama ini turut mencerminkan komitmen

pihak penganjur dalam menyediakan aktiviti hiburan yang sihat dan sesuai dinikmati oleh semua lapisan masyarakat, sekali gus menyemarakkan lagi kemeriahan sambutan perayaan ini.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir menyaksikan persembahan Pentas Perayaan pada setiap malam diadakan sehingga 8 Ogos 2026, bagi sama-sama memeriahkan lagi Pentas Perayaan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80.



MEMPERKUKUH PENGURUSAN TAMAN DENGAN PIAWAIAN DIKTIRAF ANTARABANGSA

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan



SESI libat urus bersama pihak-pihak berkepentingan bagi Taman Negara Ulu Temburong telah dilaksanakan oleh pihak perunding pada 8 hingga 10 Jun 2026 (atas dan kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 Julai. - Jabatan Kemajuan Pelancongan (JKP), Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI), dengan kerjasama Jabatan Perhutanan melancarkan Projek Pensijilan Global Sustainable Tourism Council (GSTC) selama setahun bagi Taman Negara Ulu Temburong dan Taman Rekreasi Luagan Lalak pada Mei 2026.

Inisiatif berkenaan bertujuan untuk memperkukuh pengurusan mampan kedua-dua taman berkenaan selaras dengan piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, sekali gus meletakkan kedua-dua taman sebagai destinasi pelancongan mampan yang diperakui, sambil memelihara warisan semula jadi Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk generasi akan datang.

GSTC merupakan badan yang diiktiraf di peringkat global yang

menetapkan dan mengurus piawaian antarabangsa bagi pelancongan dan perjalanan mampan. Pensijilan GSTC memberikan pengiktirafan rasmi antarabangsa bahawa sesebuah destinasi pelancongan diuruskan mengikut kriteria kemampanan yang ditetapkan, sekali gus meningkatkan kredibilitinya dalam kalangan pengunjung, rakan industri dan sektor pelancongan secara keseluruhan.

Pencapaian pensijilan GSTC akan memberikan pelbagai manfaat kepada Taman Negara Ulu Temburong dan Taman Rekreasi Luagan Lalak termasuk meningkatkan kredibiliti di peringkat antarabangsa, memperkukuh amalan kemampanan serta pengurusan pelawat, mempertingkatkan perlindungan terhadap aset semula jadi dan warisan budaya, serta

meningkatkan keyakinan dalam kalangan pengunjung dan rakan industri pelancongan.

Pensijilan berkenaan juga berpotensi mengukuhkan kedudukan kedua-dua taman dalam pasaran pelancongan, menyokong pertumbuhan pelancongan yang bertanggungjawab, serta mewujudkan lebih banyak peluang kepada komuniti tempatan dan perusahaan pelancongan.

Projek berkenaan merangkumi penilaian menyeluruh berdasarkan kriteria tarikan GSTC, penglibatan pihak berkepentingan, pembangunan kapasiti serta penyediaan pelan tindakan praktikal bagi menangani jurang yang dikenal pasti. Kedua-dua taman dipilih berdasarkan kekayaan biodiversiti, persekitaran semula jadi dan potensi ekopelancongannya.

Melalui inisiatif berkenaan, kedua-dua taman dijangka dapat mempertingkatkan usaha

pemuliharaan alam sekitar, memperkukuh pengurusan pelawat, meningkatkan pengalaman pengunjung serta menjaga manfaat sosioekonomi kepada komuniti sekitar melalui amalan pelancongan mampan.

Sebagai sebahagian daripada projek berkenaan, penilaian awal telah dijalankan melalui lawatan ke tapak, semakan dokumen dan sesi perundingan bersama pihak berkepentingan bagi menilai prestasi kemampanan semasa kedua-dua taman berkenaan.

Bengkel kesedaran pihak berkepentingan turut diadakan bagi memperkenalkan pensijilan GSTC serta membentangkan dapatan awal, sekali gus memberikan kefahaman bersama mengenai proses pensijilan dan penambahbaikan yang diperlukan untuk memperoleh pengiktirafan antarabangsa.

Inisiatif berkenaan menyokong keutamaan pembangunan negara

yang lebih luas, termasuk Wawasan Brunei 2035, Pelan Hala Tuju Industri Pelancongan Negara Brunei Darussalam 2024-2035, serta Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu (SDGs), melalui usaha mempromosi pemeliharaan alam sekitar, kesejahteraan masyarakat dan pembangunan ekonomi yang mampan.

JKP merakamkan penghargaan kepada Jabatan Perhutanan serta semua agensi yang terlibat, pengusaha pelancongan, komuniti tempatan dan pihak berkepentingan atas sokongan serta kerjasama yang diberikan.

Melalui jalinan kerjasama dan komitmen bersama terhadap kemampanan, projek berkenaan dijangka menyumbang ke arah memperkukuh kedudukan NBD sebagai destinasi pelancongan berasaskan alam semula jadi yang mampan.

Hati suci, akhlak mulia

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAAN ALLAH

كلولان قوسة دعوه اسلاميه

AKHLAK yang baik atau buruk bergantung pada hati. Apabila hati itu baik, pastilah amalan dan tindakan yang dilakukan itu baik, begitu juga sebaliknya. Hadis riwayat Imam Al-Bukhari, daripada An-Nu'man bin Basyir, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya : "Sesungguhnya dalam tubuh manusia itu ada segumpal daging, apabila ia baik, maka baik pula seluruh badan. Tetapi apabila ia buruk (rosak) maka rosaklah pula seluruh badan. Ingatlah ia adalah hati".

Hati adalah salah satu organ tubuh manusia. Walaupun cuma seketul daging,

tetapi ia memegang peranan penting dalam menentukan kebaikan dan kejahatan manusia. Hati ibarat raja bagi anggota tubuh dan ketua dalam gerak geri dan segala amal perbuatan manusia.

Hati yang baik menyebabkan seluruh badan menjadi baik, demikian juga sebaliknya. Hati yang baik ialah hati yang sentiasa bersih dan suci daripada titik noda dan dosa, yang sentiasa ingatkan Allah dan mematuhi segala perintah-Nya. Manakala hati yang rosak adalah hati yang dipengaruhi serta dikuasai oleh hawa nafsu dan syahwat yang jahat, sentiasa melakukan kemungkaran dan melakukan perkara-perkara yang diharamkan. Maka rosaklah seluruh anggota badan akibat daripada angkara hati yang rosak.

Sebagai manusia biasa setentunya mempunyai banyak kelemahan. Dalam menjalani kehidupan umpamanya, ada manusia sangat menginginkan pangkat, kedudukan, kemuliaan, penghormatan, kekayaan dan kesenangan. Dalam keadaan sengaja atau tidak sengaja, kadangkala manusia melakukan dosa-dosa kecil atau besar. Dosa-dosa inilah yang akan menjadi titik hitam dalam hati. Semakin banyak kesalahan dan dosa, maka semakin banyak dan semakin tebal titik hitam dalam hati.

Allah Subhanahu Wata'ala banyak kali mengingatkan dalam Al-Quran bahawa betapa beruntungnya orang-orang yang membersihkan hati dan jiwanya dengan iman, takwa dan amal soleh. Manakala mereka yang mengotori hati dan jiwanya

dengan maksiat dan dosa akan beroleh kerugian sesuai dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Asy-Syams, ayat 9 dan 10 yang tafsirnya : "Sesungguhnya berjaya lah orang yang mensucikan jiwanya. Dan sesungguhnya rugilah orang yang mengotorinya".

Oleh itu sebagai umat Islam kita perlu berusaha dengan sedaya upaya untuk menyucikan hati daripada segala perbuatan dan sifat-sifat yang keji yang boleh merosak keimanan dan ketakwaan kita pada Allah Subhanahu Wata'ala. Sebaik-baik cara untuk membersihkan hati adalah dengan zikrullah. Bahkan hati yang lembut akan mudah memperoleh ketenangan yang membuatkan dirinya menjadi manusia yang beramal soleh.

سوروهنجاي قرحمدتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1

2

Bagian	Status	Kelas Permohonan
I	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	20
II	PROSES PERAKUIAN	20
III	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	20
IV	TIDAK HADIR	20
V	DITOLAK SELEPAS TEMU DUGA	20
VI	PERMOHON DITERIMA	20

3

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

Hakikat Penyakit 'Ain Dan Cara Menghindarinya

KELUARAN PERTAMA

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

ALLAH Subhanahu wa Ta'ala menjadikan kehidupan manusia di dunia ini tidak terlepas daripada pelbagai bentuk ujian dan musibah, antaranya termasuklah penyakit. Penyakit yang ditimpa kepada seseorang itu boleh menjadi penyebab dosa-dosanya dihapuskan berdasarkan hadits daripada 'Abdullah bin Mas'ud Radhiallahu 'anh, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

Maksudnya : Tidak ada seorang muslim ditimpa suatu kesakitan : penyakit atau selainnya melainkan Allah menggugurkan baginya kesalahan - kesalahan (dosa-dosa)nya sebagaimana pohon menggugurkan daun-daunnya.

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Penyakit yang boleh menghapus dosa-dosa itu pula ada yang berpunca daripada sebab-sebab fizikal yang dapat dilihat dan dikenal pasti melalui ilmu perubatan dan pemerhatian ahlinya, seperti jangkitan kuman, serangan virus, kecederaan tubuh badan, mahupun kelemahan fungsi anggota tertentu. Ada juga penyakit yang bersifat metafizik, iaitu penyakit yang tidak dapat dikesan melalui sebarang pancaindera manusia melainkan melalui akal semata-mata, antaranya seperti sihir dan yang semakin mendapat perhatian masyarakat ialah penyakit yang berpunca daripada pandangan mata yang lebih dikenali sebagai penyakit 'ain.

Memandangkan penyakit yang bersifat metafizik ini tidak dapat dikesan melalui sebarang pancaindera, maka penerimaan masyarakat terhadapnya berbeza-beza. Khusus bagi penyakit yang berpunca daripada pandangan mata atau yang lebih dikenali sebagai penyakit 'ain, terdapat golongan yang mempercayai kewujudan penyakit 'ain itu dan ada juga yang tidak mempercayainya. Golongan yang mempercayai kewujudan penyakit 'ain itu

ada yang mengakui memahaminya tetapi tetap memandang remeh mengenainya dan ada juga yang mendakwa tidak memahami hakikatnya. Timbul persoalan, adakah penyakit 'ain atau penyakit yang berpunca daripada pandangan mata ini ada dibahas dalam Islam? Jika ada, bagaimanakah cara untuk menghindarinya menurut syara'?

'Ain (عَيْن) ialah perkataan bahasa Arab yang sering diterjemah sebagai mata. Menurut Imam Ibn Manzur Rahimahullah dalam kitab Lisan al-'Arab, selain 'ain bermakna mata, salah satu maknanya yang lain yang sesuai dikaitkan dengan perkara di atas ialah terjadi musibah kepada manusia melalui pandangan mata sebagaimana kata beliau :

Ertinya : Dan al-'ain: musibah yang menimpa manusia dengan (melalui pandangan) mata.

Orang yang pandangan matanya menyebabkan seseorang tertimpa penyakit 'ain disebut عَائِن ('a'in) atau مَعِين (mi'yan) atau عَيْنُون ('ayun), manakala orang yang tertimpa penyakit 'ain pula disebut مَعِين (ma'in) atau مَعِينُون (ma'yun).

Kewujudan penyakit 'ain ini ada disebut oleh Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam sebagaimana dalam sebuah hadits daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anh, Baginda bersabda :

Maksudnya : 'Ain (itu) benar. (Hadits riwayat al-Bukhari)

Hadits ini disebut oleh Imam al-Bukhari Rahimahullah dalam kitabnya Shahih al-Bukhari di bawah bab "'Ain itu benar". Imam Ibn Hajar al-'Asqalani Rahimahullah dalam kitabnya Fath al-Bari menjelaskan bahawa maksud bab "'Ain itu benar" ialah musibah yang menimpa melalui pandangan mata adalah sesuatu yang sabit kewujudannya. Beliau seterusnya mengertikan 'ain itu ialah :

Ertinya : Dan al-'ain (ialah) pandangan dengan kekaguman yang bercampur dengan hasad dengki daripada orang yang buruk perangainya (sehingga) menghasilkan mudharat kepada apa yang dipandang.

Walau bagaimanapun, 'ain juga boleh terjadi melalui pandangan dengan kekaguman sekalipun tanpa ada hasad dengki sebagaimana kata beliau dalam

kitabnya yang sama :

Ertinya : Al-'ain itu (boleh) terjadi (melalui pandangan) dengan kekaguman walaupun tanpa hasad dengki.

Menurut beliau lagi, penyakit 'ain juga boleh menimpa seseorang sekalipun daripada orang yang menyayanginya dan orang shalih sebagaimana kata beliau :


Ertinya : ('Ain itu boleh terjadi) sekalipun daripada seorang lelaki yang menyayanginya dan daripada seorang lelaki yang shalih.

Sebab penyakit ini sering disandarkan kepada 'ain iaitu mata adalah kerana pada kebiasaannya ia terjadi melalui pandangan mata. Meskipun demikian, menurut kitab Fath al-Mun'im Syarh Shahih Muslim, penyakit 'ain ini ada kalanya juga terjadi daripada orang buta yang berasa kagum sebagaimana kitab tersebut menyebut :

Ertinya : (Maksud) yang dikehendaki daripada al-'ain di sini (ialah) pandangan dengan kekaguman yang melampau terhadap ni'mat dengan rasa terpesona dan keinginan serta kecenderungan ke arahnya (ni'mat tersebut) dengan perasaan takjub. Dan ada kalanya ia (penyakit 'ain) terhasil daripada orang buta dengan dia sendiri cenderung (kepada) kecenderungan sebegini, dan sesungguhnya disandarkan (penyakit 'ain) kepada mata kerana pada kebiasaannya (penyakit) ini terjadi dengannya (mata).

Berdasarkan penjelasan Imam Ibn Hajar al-'Asqalani Rahimahullah dan kitab Fath al-Mun'im Syarh Shahih Muslim di atas, dapat disimpulkan bahawa penyakit 'ain ialah penyakit yang kebiasaannya disebabkan oleh pandangan mata yang mengagumi terhadap apa yang dipandang yang boleh terjadi sama ada daripada orang

BERDASARKAN penjelasan Imam Ibn Hajar al-'Asqalani Rahimahullah dan kitab Fath al-Mun'im Syarh Shahih Muslim di atas, dapat disimpulkan bahawa penyakit 'ain ialah penyakit yang kebiasaannya disebabkan oleh pandangan mata yang mengagumi terhadap apa yang dipandang yang boleh terjadi sama ada daripada orang yang hasad dengki, orang yang menyayangi, orang yang jahat atau orang yang shalih.


 Irsyad Hukum
 جِئَاتُ فِي كُلِّ حَالٍ
 جِئَاتُ فِي كُلِّ حَالٍ
 Jabatan Mufti Kerajaan
 Jabatan Perdana Menteri
 Negara Brunei Darussalam
 Website : www.mufti.gov.bn
 E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

yang hasad dengki, orang yang menyayangi, orang yang jahat atau orang yang shalih.

Gambaran tentang bagaimana seseorang ditimpa penyakit 'ain ini dapat dilihat menerusi sebuah kisah pada zaman Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam. Ketika itu dua orang sahabat bernama 'Amir bin Rabi'ah dan Sahl bin Hunaif Radhiallahu 'anhuma sedang mencari khamar (apa-apa sahaja yang menjadi pelindung daripada pokok, bukit atau seumpamanya), lalu mereka menemui sebuah sungai kecil yang tersembunyi. Sahl Radhiallahu 'anh, kemudiannya berlindung menutup dirinya lalu menanggalkan jubah shuf (bulu)nya untuk mandi. Apabila 'Amir Radhiallahu 'anh terpancang dan berasa kagum dengan tubuh Sahl Radhiallahu 'anh, pandangan mata 'Amir Radhiallahu 'anh yang disertai rasa kagum tanpa mendoakan keberkatan itu telah menyebabkan Sahl Radhiallahu 'anh ditimpa penyakit 'ain.



PERSEMBAHAN drama bertajuk 'Hentikan Buli : Bisai-bisai Pakai AI' dipentaskan oleh murid-murid Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (kanan), manakala gambar atas, antara yang hadir menyaksikan persembahan berkenaan.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

BERAKAS, Isnin, 20 Julai. - Persembahan drama bertajuk 'Hentikan Buli : Bisai-bisai Pakai AI' telah dipentaskan bersempena Pesta Buku Brunei (PBB) 2026 oleh murid-murid Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) sebagai usaha meningkatkan kesedaran tentang isu buli siber dan penggunaan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) secara beretika.

Persembahan drama yang

berlangsung di Pentas Utama, Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah berkenaan menampilkan enam murid Tahun 4 Mercury, iaitu Awang Muhd. Aufa Sufyan bin Mas Mohammad Sufi, Awang Muhd. Arfan Ziyad bin Mohammad Faisal, Awang Muhd. Uzayr Ar-Razi bin Julazni, Awang Muhammad Adam Azfar bin Amalul Arif, Dayang Nur Qaisara Aisyaa binti Abdul Azeem dan Dayang Nur Hana An-Naurah

binti Mohammad Akif.

Persembahan berkenaan dibimbing oleh dua guru pengawas, iaitu Dayang Hajah Zatil Hidayah binti Haji Morni dan Dayang Nur Mahfuzah binti Hamzah.

Drama berkenaan mengisahkan Aiman, iaitu seorang murid yang pendiam dan rajin telah menjadi mangsa buli di sekolah apabila dua rakannya, iaitu Farid dan Hakim menyalahgunakan teknologi AI untuk mengubah wajah dan suara Aiman menjadi bahan jenaka.

Perbuatan yang dianggap gurauan berkenaan menyebabkan Aiman berasa malu, sedih dan hampir hilang keyakinan diri untuk hadir ke sekolah.

Nasib Aiman berubah apabila Sara, iaitu seorang murid berani dan prihatin, menyedari kesedihan Aiman dan menggalakannya untuk bersuara serta mendapatkan bantuan guru. Dengan bimbingan Cikgu Ezzah dan penegasan moral daripada Pengetua Rahman, para pelajar yang terlibat mula menyedari



kesan buruk perbuatan mereka.

Melalui persembahan drama berkenaan, ia menekankan bahawa teknologi AI merupakan satu inovasi yang mampu memberikan pelbagai manfaat sekiranya digunakan secara bertanggungjawab.

Sebaliknya, penyalahgunaan teknologi berkenaan boleh

membawa kepada buli siber dan memberi kesan negatif terhadap kesejahteraan emosi mangsa.

Selain itu, drama berkenaan menekankan nilai empati, keberanian untuk bersuara, tanggungjawab digital dan pentingnya menghormati maruah orang lain.

Drama 'Hentikan Buli : Bisai-bisai Pakai AI' warnai PBB 2026



KETUA Bahagian Perpustakaan, DBP, Dayang Emi Suryaney binti Haji Hipny ketika ditemu bual.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 Julai. - Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) terus memperkukuh peranannya sebagai pusat ilmu dan pembelajaran sepanjang hayat dengan memperluaskan pelbagai inisiatif literasi digital bagi melahirkan masyarakat yang celik teknologi, berpengetahuan serta mampu menyesuaikan diri dengan perkembangan era digital.

Ketua Bahagian Perpustakaan, DBP, Dayang Emi Suryaney binti Haji Hipny ketika ditemui menjelaskan bahawa perpustakaan pada masa kini bukan lagi sekadar tempat meminjam buku, malah berfungsi sebagai pusat pembelajaran digital yang menyediakan pelbagai kemudahan dan latihan bagi

meningkatkan kemahiran teknologi masyarakat.

Menurutnya lagi, antara program yang giat dilaksanakan ialah Bengkel Asas Komputer yang memberi pendedahan kepada orang ramai mengenai kemahiran digital asas, termasuk penggunaan komputer dan aplikasi teknologi dalam kehidupan seharian.

Selain itu, tambahnya, Bengkel Literasi Maklumat turut diadakan bagi membimbing pengguna menggunakan enjin carian, pangkalan data digital serta pelbagai sumber maklumat secara berkesan. Melalui bengkel berkenaan, peserta diajar kaedah mencari, menilai, mengesahkan dan menggunakan maklumat yang sahih, tepat serta beretika dalam persekitaran digital.

"Pada masa kini, cabaran bukan lagi mendapatkan maklumat tetapi memastikan maklumat yang diterima adalah benar dan boleh dipercayai. Oleh itu, masyarakat perlu mempunyai kemahiran menilai kesahihan maklumat sebelum berkongsi atau menggunakannya.

"Bagi meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan dalam

talian, Perpustakaan DBP juga menganjurkan Bengkel Jenayah Siber yang memberi penekanan kepada aspek keselamatan dan privasi digital, termasuk langkah melindungi data peribadi ketika menggunakan platform digital," katanya lagi.

Dayang Emi Suryaney seterusnya berkata, pelbagai latihan turut ditawarkan merangkumi penggunaan perisian komputer, reka bentuk grafik, pencarian maklumat yang sahih serta pembangunan kreativiti digital bagi membantu masyarakat meningkatkan kemahiran yang relevan dengan keperluan semasa.

Seiring dengan perkembangan teknologi terangnya, Perpustakaan DBP turut menyediakan pelbagai perkhidmatan pembelajaran digital seperti penggunaan teknologi Realiti Terimbuh (Augmented Reality-AR), e-Buku, buku audio dan buku animasi yang mampu menjadikan pengalaman pembelajaran lebih interaktif dan menarik.

"Perpustakaan DBP juga aktif menganjurkan program secara



PERPUSTAKAAN DBP turut menyediakan pelbagai perkhidmatan pembelajaran digital seperti penggunaan teknologi Realiti Terimbuh (Augmented Reality-AR), e-buku, buku audio dan buku animasi yang mampu menjadikan pengalaman pembelajaran lebih interaktif dan menarik.

hibrid termasuk Pertandingan Mari Bercerita serta pelbagai aktiviti dalam talian, selain menghasilkan bahan digital seperti e-Buku dan buku interaktif yang mudah diakses oleh masyarakat.

"Dalam usaha memperluaskan penyampaian maklumat, DBP turut memanfaatkan platform media sosial sebagai medium penyebaran informasi, promosi program dan perkongsian ilmu kepada orang ramai," ujarnya

lagi. Dayang Emi Suryaney berharap usaha berterusan Perpustakaan DBP berkenaan dapat melahirkan masyarakat di negara ini yang bukan sahaja gemar membaca, malah memiliki literasi digital yang tinggi, mampu menggunakan teknologi secara beretika, kreatif dan bertanggungjawab dalam menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0 serta era pendigitalan negara.

MINDA PEMBACA

Hijrah : Mengubah diri, mengubah dunia

BAGI kebanyakan orang, hijrah merupakan titik permulaan yang menyedarkan mereka bahawa sesuatu perlu diubah. Namun, usaha ini sering gagal apabila kita hanya menuding jari kepada orang lain. Hakikatnya, mengubah diri ialah kunci utama untuk mengubah dunia. Perubahan yang bermula daripada diri sendiri mampu memberi impak yang besar kepada dunia dan ini bukan bermaksud mengubah seluruh dunia seorang diri, sebaliknya melalui perubahan diri, akhlak yang mulia dan amalan harian yang mampu memberi pengaruh positif kepada keluarga, masyarakat dan seterusnya dunia.

Individu perlu membentuk sahsiah, disiplin dan nilai murni sama ada dalam

kalangan muda mahupun dewasa. Sebagai contoh, sikap jujur, rajin dan menghormati orang lain perlu dipupuk dalam kehidupan seharian. Oleh itu, anak-anak akan membesar dengan contoh yang baik dan menjadi insan yang bertanggungjawab. Jika setiap individu memiliki nilai ini, masyarakat secara automatik akan menjadi lebih amanah dan harmoni.

Tambahan pula, tindakan kecil seperti bergotong-royong, menolong ibu bapa, jiran dan rakan, serta menyertai kerja sukarela dapat memupuk nilai murni dalam diri seseorang. Selain itu, usaha mengajak orang lain menjaga alam sekitar juga menjadikan persekitaran lebih bersih dan sihat. Sehubungan dengan itu,

semangat tolong-menolong akan menjadikan masyarakat lebih penyayang dan harmoni.

Dari sudut yang lain, dalam Islam kita digalakkan melakukan kebaikan seperti menjaga solat lima waktu. Ini juga memberi impak kepada pembentukan akhlak yang baik yang menjadi contoh kepada orang lain. Selain itu, ia dapat meningkatkan keimanan seseorang serta mendidik diri untuk lebih taat kepada perintah Allah. Kesannya, individu akan menjadi lebih berdisiplin dan bertanggungjawab dalam kehidupan seharian.

Hasrat untuk mengubah dunia bukanlah angan-angan kosong jika ia dimulakan dengan perubahan dalam

diri sendiri. Perubahan ini tidak berlaku dalam sekelip mata, tetapi bermula apabila seseorang insan berubah menjadi lebih baik. Perubahan ini akan mempengaruhi keluarga, seterusnya melahirkan masyarakat yang baik serta membina sebuah negara dan dunia yang lebih aman, maju dan diberkati. Peribahasa Melayu ada menyebut, 'Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat'. Oleh itu, masyarakat akan menjadi lebih baik melalui kerjasama dan nilai bersama.

Nama : Nuraini Hasyifah binti Abdullah Ali Hassan
No. K/P : 01-159XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Pencemaran di Lautan: Cabaran dan Tanggungjawab Bersama'. Tarikh Tutup : 22 Julai 2026
2. 'Transformasi Digital dalam Kehidupan Harian'. Tarikh Tutup : 29 Julai 2026
3. 'Bersatu Memelihara Keamanan Negara'. Tarikh Tutup : 5 Ogos 2026

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunel@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتِمُنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِعْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقَضٰى بِهٖ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَايِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّيْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذُنُوبِيْ، فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ ممباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakkannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوِضْ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsa seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
IV & V

Kategori:
B01 Kod Baharu

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 14 / CQS / 2026-T /
IV

Nama Projek:
Menaiktaraf Bangunan Galeri
Kebudayaan dan Pelancongan
Kampung Ayer,
Bandar Seri Begawan
– Design And Build

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
18 Ogos 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
1 September 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
MOD Approved Lift Contractor

Kategori:
KPME02

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
4 Ogos 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 3.00
Petang

Tarikh Tutup:
18 Ogos 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00
Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-LE / 17 /
2026

Nama Projek:
Pemeliharaan 6 Buah Lif
'Schindler' Di Pangsapuri
Kampung Mabohai, Bandar Seri
Begawan
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
III Atau IV Atau V

Kategori:
E01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
4 Ogos 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 3.00
Petang

Tarikh Tutup:
18 Ogos 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00
Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-EM / 18 /
2026

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Operasi
Dan Kerja-Kerja Pemeliharaan
Elektrikal Di Bangunan Kerajaan
Kawasan Gadong (ZON 'D')
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Yuran Tawaran :
BND50.00 (Tidak Dikembalikan)



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
IV Atau V

Kategori:
M01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
4 Ogos 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam: 3:00
Petang

Tarikh Tutup:
18 Ogos 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam
2:00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 19 /
2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian
'Ducting' Bagi Sistem Sentral
Hawa Dingin Di Rumah - Rumah
A, B, C dan D, Istana Assiadah

Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)


KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU
/ LE / TA / 2002
Permohonan Pembaikan
Kenderaan Jenis Mercedes
Kepunyaan Unit-Unit ABDB

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran,
iaitu Selasa, 11 Ogos 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
18 Ogos 2026


**INSTITUT PERKHIDMATAN
AWAM**

Tajuk Sebut Harga:
IPA / PENT / SVC / 153 PT.1
Perkhidmatan Pembersihan
Dalam Bangunan Institut
Perkhidmatan Awam Selama Dua
(02) Tahun

Tajuk Sebut Harga:
IPA / PENT / SVC / 153 PT.1
Perkhidmatan Pembersihan
Luar Bangunan Institut
Perkhidmatan Awam Selama Dua
(02) Tahun

**Tarikh Tutup Bagi
Sebut Harga:**
Selasa, 28 Julai 2026

Yuran Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)



Tajuk Tawaran:
Flight Calibration for Air
Navigation Facilities
ATELS / 2026 / LTK-01 (R)

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
27 Julai 2026, Isnin

Tarikh Tutup Tawaran:
28 Julai 2026, Selasa


**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga:
19 / JMM / S / 12 / 91 (2026 /
2027)

Tajuk Sebut Harga:
Sebut Harga Bagi Upgrading
Works, Dismantle Existing Roof
And Ceiling, Supply And Install
New Roofing, Ceiling And
Electrical Works Including General
Repairs Works At Bangunan Stor
Simpanan Muzium Brunei, Kota
Batu, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Khamis,
13 Ogos 2026


KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Renewal Of Microsoft 365
Education A3 License For
Ministry Of Education**

**MOE / LTK / 22 / 2026 / 2027
(ICT-JULAI-2026)**
Renewal Of Microsoft 365
Education A3 License For Ministry
Of Education

**Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran:**
BND505.00
[Bayaran Yuran Tawaran
Sebanyak BND500.00]



Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2026 – 2027 / 15

Tajuk Tawaran:
“Penyewaan Tempat Latihan
Dan Tempat Tinggal
Pelatih-Pelatih Bagi Asean
National Assessor In



Dan E-Dokumen Sebanyak
BND5.00 Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Mengambil
E-Dokumen / Tawaran:**
8 Ogos 2026 (Sabtu)
Jam 9.45 Pagi

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa, 18 Ogos 2026
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]



Housekeeping”, September 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 30 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



Pemberitahuan Tawaran

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 111 / 2026 / SMS(TC)
Supply And Delivery Of Medical Consumables Item (Bandages) For The State Medical Store For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 112 / 2026 / SMS (TC)
Supply And Delivery Of Medical Consumables Item (Surgical Dressings) For The State Medical Store For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 125 / 2026 / HTD
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of One (1) Unit Of Microscope System For Berakas Dental Clinic, Department Of Dental Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 126 / 2026 / LAB (TC)
To Supply And Deliver Of (75g Dextrose Oral Glucose Tolerance Beverage-OGTT) For Phlebotomy And CSRA, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 127 / 2026 / ESTETMOH (TC)
Provision Of Maintenance Services For Swimming Pool At Health Promotion Centre Under The Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Kelayakan Pemborong / Pembekal:

Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan hanya syarikat yang terlibat dalam perkhidmatan penyelenggaraan untuk kolam renang

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 128 / 2026 / DSS
To Supply, Deliver, Install, Test And Commission Eight (8) Units Of Sample Homogenizer For Illicit Drugs Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 129 / 2026 / HTD

Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Tympanic Thermometer For Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 130 / 2026 / HTD
One-Off Preventive Maintenance Service For Five (5) Units Of Shimadzu Gas Chromatography Systems At Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 131 / 2026 / LAB(TC)
To Supply And Deliver Respiratory Panel Film Array Kits With Equipment Rental For National Virology Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 134 / 2026 / UPP(TC)
The Provision Of The Cleaning Services For Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital, Ministry Of Health, For A Period Of Two (2) Years

Yuran Tawaran:
BND 500.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 135 / 2026 / DSS
To Supply. Deliver, Test And Commission Near Infrared Spectroscopy For Illicit Drugs Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 136 / 2026 / DSS
To Supply. Deliver, Test And Commission Two (2) Units Of Microbalance For Illicit Drugs Laboratory And Toxicology Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 137 / 2026 / UPP(TC)
The Provision And Management Of Hardware And Software Solution For "Talian Harapan" Call Centre For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 138 / 2026 / HTD
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Two (2) Units Of Defibrillator For Emergency Medical Ambulance Service (EMAS) Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 139 / 2026 / UPP(TC)
Supply, Installation And Servicing Of Air-Conditioning Systems For Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital's Vehicle For A Period Of Two (2) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 140 / 2026 / UPP(TC)
Supply And Install Batteries For Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital's Vehicle For A Period Of Two (2) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 141 / 2026 / UPP (TC)
Supply And Install Tyres For Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital's Vehicle For A Period Of Two (2) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 142 / 2026 / ESTETRIPASH
Design And Renovation Of Soundproof Room At Audiology Department At Specialist Building 1, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

Kelayakan Pemborong / Pembekal:

Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan atau Kementerian Kesihatan

Kelas:
III dan ke atas

Kategori:
B01 dan KA01

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 143 / 2026 / MED
Supply, Delivery, Installation And Testing For One (1) Year Of Emergency Call Centre And Response Management System For Emergency Medical Ambulance Services (EMAS), Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 145 / 2026 / PPN(TC)
Supply And Delivery Of Bonding Agent For Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 146 / 2026 / ESTETRIPASH
The Provision Of Manpower For Monitoring Services At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Nine (9) Months

Kelayakan Pemborong / Pembekal:

Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan atau Kementerian Pembangunan

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 147 / 2026 / HTD (TC)
Filemaker Pro License Renewal For Three (3) Years – MOH / HTD / T06 / 2026

Yuran Tawaran:



BND 10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 148 / 2026 / HTD
The Renewal Of Post Standard Support Subscription For Dell Hardware – MOH / HTD / T05 / 2026

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 19 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 100.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 20 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa
28 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 70 / 26 – 27
Renovation Works At Radio Television Brunei Madang Barracks No. A2 And No. B4

Bayaran Yuran
(termasuk e-dokumen):
BND5.00
(tidak dikembalikan)

Salinan Kertas (Hardcopy):

BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:

Rabu,
22 Julai 2026,
jam 2.00 Petang



Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 68 / 26 – 27
Roof Leakage Repair Works At The Main Entrance Of The Main Building, RTB Broadcasting Complex, Sungai Akar

Bayaran Yuran
(termasuk e-dokumen):
BND5.00
(tidak dikembalikan)

Salinan Kertas (Hardcopy):

BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:

Rabu,
22 Julai 2026,
jam 2.00 Petang



Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 69 / 26 – 27
Replacement And Installation Of Compound Lighting At RTB Transmitter Station, Bukit Subok

Bayaran Yuran
(termasuk e-dokumen):
BND5.00
(tidak dikembalikan)

Salinan Kertas (Hardcopy):

BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:

Rabu,
22 Julai 2026,
jam 2.00 Petang




KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / LB / TA / 02
Pembelian Global Positioning System (GPS) Bagi Keperluan Tentera Darat Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND 10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 4 Ogos 2026**.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 11 Ogos 2026
2.00 Petang


UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

Pemohon-Pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:-

Jawatan:
Penolong Penyelia Pusat Penyelidikan Luar

Tangga Gaji: C.1-2 EB.3
[BND1,280 - BND2,270]

Kekosongan: 1 Jawatan

Menghadapkan Borang Permohonan

Hendaklah memuat naik salinan Sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Permohonan hendaklah disikan dengan lengkap tidak lewat **26 Julai 2026**.

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hantar e-mel ke:
admin.recruitment@ubd.edu.bn


**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

1. Bilangan Tawaran:
(55) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
Twenty-Four (24) Months Term Contract for General Pest Control Services at Hassanal Bolkiah National Stadium, Berakas

2. Bilangan Tawaran:
(56) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
Supply and Install New Drainage Cover System Along Padang "A" and Walkway at Berakas Sports Complex, Youth and Sports Department, MCYS, Brunei Darussalam

3. Bilangan Tawaran:
(57) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
Mechanical and Electrical Term Maintenance for a Period of Thirty-Six (36) Months For:
1. Temburong Sports Complex
2. Swimming Pool Temburong
3. Youth and Sports Office, Temburong
4. Pusat Belia Bangar, Temburong

4. Bilangan Tawaran:
(58) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
Membekalkan Kelengkapan Bagi Kompleks Sukan Jerudong dan Kompleks Sukan Hoki, KSNHB

5. Bilangan Tawaran:
(59) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
Membekalkan Toner HP Laserjet Printer Bagi Stok Simpanan Pusat Stor

6. Bilangan Tawaran:
(60) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
Twelve (12) Months Term Contract for General Pest Control Services at Jerudong Sports Complex

7. Bilangan Tawaran:
(61) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
General Maintenance (Refill, Replacement Part, Repaint, Refurbish and Servicing) to Existing Fire Extinguisher, Fire Hose Reel, Smoke Detector and Fire Alarm System at Games Village, Hassanal Bolkiah National Sports Complex

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
30 Julai 2026


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan
Di Dalam**

Kelas :
II & III

Kategori :
P06 - Kod Baharu

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 12 / CQS / 2026-T / II

Nama Projek:
Renovation Of
Crop Protection And Soil Science
And Plant Nutrient Laboratory
For ISO/IEC 17205 Accreditation
- Loose Furniture

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
4 Ogos 2026

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
18 Ogos 2026,
Tidak lewat
jam 2.00 Petang


**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

Kelas:
II atau III atau IV

Kategori:
KPB12

Tarikh Buka Tawaran pada:
20 Julai 2026 (Isnin)


**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / JAN / 028 / 2026

Tajuk Tawaran:
Cleaning Services At Bukit
Panggal Powerstation, Tutong For
A Period Of Three (3) Years

Tarikh Tutup:
4 Ogos 2026
Selasa (2.00 Petang)

Yuran Tawaran:
BND 30.00 (Tidak
Dikembalikan)

Tempat Tutup:
PETI TAWARAN
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,


**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga:
17 / JMM / S / 12 / 91
(2026/2027)

Tajuk Sebut Harga:
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja
Perkhidmatan Pengangkutan Dan
Pembuangan Sampah Bagi
Bangunan-Bangunan Di Bawah
Kawalan Jabatan Muzium-Muzium
Bagi Tempoh Tiga Puluh Enam
(36) Bulan

Tarikh Tutup:
Khamis, 6 Ogos 2026



Lobi Utama, Aras 1
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB 3913.
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Kewangan bagi Perkhidmatan
ROCBN

Dokumen-dokumen tawaran
dan penerangan-penerangan
yang lanjut bolehlah diperoleh di
Kaunter Unit Tawaran,
Tingkat Empat (4),
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Negara Brunei Darussalam.



Bilangan Sebut Harga:
16 / JMM / S / 12 / 91
(2026/2027)

Tajuk Sebut Harga:
Sebut Harga Bagi Pembelian
Alat Tulis Dan Alat Pembersih Di
Unit Stor Untuk Kegunaan Semua
Bahagian Di Bawah Jabatan
Muzium-Muzium

Tarikh Tutup:
Khamis, 6 Ogos 2026



**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
11 Ogos 2026
(Selasa)

Tarikh Tutup Pada :
18 Ogos 2026
(Selasa)
Sebelum Jam 2.00 petang

(Di Tutup di Pejabat
Lembaga Tawaran Kecil,
di Tingkat Bawah Bangunan
Kementerian Pembangunan,
Lapangan Terbang Lama
Berakas,
Bandar Seri Begawan
BB3510,
Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BL / T011 / 2026
Kerja-Kerja Penyelenggaraan
Landskap Dan
Kemudahan-Kemudahan
Taman Di Sungai Berakas,

Negara Brunei Darussalam
Untuk Tempoh
Tiga (03) Tahun.

No. Projek:
JASTRE / BL / T011 / 2026

Jumlah Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)





**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

1. Bilangan Sebut Harga:
(62)JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
To Supply, Installation And
Commissioning Of Lawn Bowls
Rink At Stadium Negara Hassanah
Bolkiah, Berakas

2. Bilangan Sebut Harga:
(63)JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
Membekalkan Dan Menghantar
Vitamin Dan Supplement Bagi
National Athletes, Pusat
Perubatan Dan Penyelidikan
Sukan

3. Bilangan Sebut Harga:
(64)JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
Supply, Delivery, Install,
Commissioning And On-Site, User
Training And Warranty Of Acclarix
Diagnostic Ultrasound System For
Clinic, SMRC

4. Bilangan Sebut Harga:
(67)JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
Twelve (12) Months Term
Contract For General Pest Control
Services At Multipurpose Hall And
Pedestrian Mall, HBNCS

5. Bilangan Sebut Harga:
(68)JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
To Propose, Supply, Delivery,
Installation, Configuration, Testing,
Maintenance And Warranty Of
Close Circuit Television (CCTV)
System At Hockey Stadium,
HBNCS

6. Bilangan Sebut Harga:
(69)JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
Twelve (12) Months Term
Contract For General Pest Control
Services At Indoor Stadium,
HBNCS And Santai
De' Indoor Kiosk

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
6 Ogos 2026



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Tawaran No. 01

To Supply and Installation of
Tires for Fire Trucks BG 4985 (F1)
Department of Civil Aviation
AME / 2026-2027 / SH-24 / R

Tawaran No. 02

Supply & Install AC Drain Pipe
for Post Security Office at Terminal
Baggage Area - BIA
AME / 2026-2027 / SH-35
(Kelas II atau ke atas)

Tawaran No. 03

Kerja-Kerja Pengendalian,
Pembuangan dan Pengutipan
Sampah di Kawasan
Pembuangan Sampah Jabatan
Penerbangan Awam bagi Tempoh
Dua (2) Tahun (24 Bulan)
AME / 2026-2028 / SH-36
(Kelas II atau ke atas)

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
22 Julai 2026, Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
4 Ogos 2026, Selasa tidak
lewat jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
5 Ogos 2026, Rabu



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN
HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran Dan
Keterangan Projek:**
39 / BBS / LK / 152 / QABPLK
Membekal Dan Menghantar
Uniform Polo Dan T-Shirt Untuk
Bahagian Pengurusan Letak
Kereta Kuala Belait Dan Seria

**Bilangan Tawaran Dan
Keterangan Projek:**
40 / BBS / LK / 152 / QABPLK
Membekal Dan Mencetak
3,000 Buah Buku Notis
Kesalahan

Yuran Tawaran:
BND6.00(Non-Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 4 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / KOP / 035 / 2026

Tajuk Tawaran:
Supply And Delivery Of Nickel
Cadmium Battery And Battery
Charger

Tarikh Tutup:
Selasa, 18 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / KOP / 029 / 2025

Tajuk Tawaran:
Supply And Delivery Of
Distribution Transformer

Harga Dokumen:
BND2,000.00 (Tidak
dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / KOP / 030 / 2025

Tajuk Tawaran:
Supply And Delivery Of Low



Voltage Aerial Bundle Conductor

Harga Dokumen:
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Ditutup:
4 Ogos 2026 (Selasa)
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0027 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
To Conduct Preliminary Water
Quality Monitoring At Tapak
Luagan Duduk, Tutong And Tapak
Negalang Ering, Temburong Over
A Period Of One (1) Month,
Department Of Fisheries

Tarikh Tutup:
Khamis,
6 Ogos 2026

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0028 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
To Provide And Deliver
Occupational First-Aid Course
Training (OFAC) At Department Of
Fisheries Headquarters,
Kampung Serasa

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0029 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
To Supply, Delivery, Install,
Calibrate, Train And Commission
Of Water Quality Monitoring
System ternakan Udang
Pengkalan Sibabau Fasa II,
Kampung Mentiri

Tarikh Tutup :
Khamis, 6 Ogos 2026



**KEMENTERIAN
HAL EHWAL LUAR NEGERI**

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
KHELN / ICT / 2026 / 2KQ09
Quotation For The Supply &
Delivery Of Laptop

**Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:**
KHELN / ICT / 2026 / 2KQ10
Quotation For The Supply &
Delivery Of Desktop PC

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu
22 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU
/ LOG / TA / 1004
Pembelian Kenderaan Sport
Utility Vehicle (SUV) Bagi
Kegunaan Tentera Darat Diraja
Brunei

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak
dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah
satu minggu
sebelum tarikh tutup tawaran,
iaitu **Selasa, 11 Ogos 2026.**



Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 18 Ogos 2026
2.00 Petang



MALAM MUZIKAL DEBU HITAM BAND SERIKAN PENTAS PERAYAAN DAERAH TUTONG



ANTARA yang hadir menyaksikan persembahan daripada Malam Muzikal Debu Hitam Band (atas dan atas kanan).

TUTONG, Isnin, 20 Julai. - Malam Muzikal Debu Hitam Band berjaya menghiburkan para pengunjung yang hadir di Pentas Perayaan Daerah Tutong pada malam tadi, anjuran Debu Hitam Band bersempena dengan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis pada acara berkenaan, Awang Abidin bin Bahar dari Kementerian Pendidikan.

Persembahan yang diadakan

di Pentas Perayaan Kawasan Lapang berhadapan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, di sini, menampilkan beberapa persembahan nyanyian yang ditampilkan oleh barisan Ahli Debu Hitam Band.

Antara lagu yang dibawakan termasuklah Lagu Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Joget Seri Kenangan, Jujur, Hajat, Nuri, Cinta Yang Sempurna, Seribu Bintang dan bermacam lagi.

Penganjuran persembahan berkenaan bertujuan bagi menyemarakkan lagi kemeriahan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di samping menghiburkan para pengunjung sekaligus memeriahkan lagi suasana Pentas Perayaan Daerah Tutong.

Pentas Perayaan Daerah Tutong akan terus menampilkan pelbagai pengisian menarik

Berita dan Foto : Ak. Mohamad Zaki Pg. Haji Kasharan



termasuk persembahan bercorak kebudayaan, hiburan, keagamaan dan beberapa aktiviti kemasyarakatan sepanjang tempoh sambutan berlangsung.

Sehubungan itu, orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir menyaksikan persembahan

Pentas Perayaan pada setiap malam diadakan sehingga 8 Ogos 2026, bagi sama-sama memeriahkan lagi Pentas Perayaan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-80.

Borang penyertaan Sambutan Maulud Nabi kini dibukakan

Siaran Akhbar dan Infografik :
Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 Julai. - Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1448 Hijrah akan diadakan pada Selasa, 12 Rabiulawal 1448 bersamaan 25 Ogos 2026 secara serentak di keempat-empat daerah bermula pada jam 7.00 pagi.

Sehubungan itu, Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1448H sukacita mempelawa penyertaan pasukan-pasukan dan orang ramai bagi bersama-sama ikut serta dalam sambutan berkenaan nanti.

Bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM), penyertaan adalah dibukakan kepada Kategori 1 : Pasukan Tidak Bernombor; Kategori 2 : Kementerian-kementerian; Kategori 3 : Institusi Pengajian Tinggi / Maktab / Sekolah Arab / Sekolah Menengah / Swasta; Kategori 4 : Kampung dan Masjid; dan Kategori 5 : Persatuan dan Sektor Swasta.

Borang penyertaan bagi DBM kini dibukakan dan boleh diperoleh daripada Urus Setia Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1448H, Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Tingkat 2, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis, BB3910, Negara Brunei Darussalam.

Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada urus setia berkenaan atau melalui faks +673 2382351 atau e-mel syiar.islam@mora.gov.bn.

Sementara borang penyertaan bagi Daerah Belait, Daerah Tutong dan Daerah Temburong bolehlah diperoleh di Pejabat Hal Ehwal Ugama daerah masing-masing dan dikembalikan ke pejabat yang sama.

Borang penyertaan juga boleh diperoleh melalui laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) di www.mora.gov.bn.

Tarikh tutup pendaftaran dan mengembalikan borang penyertaan ialah pada Sabtu, 15 Ogos 2026, jam 4.00 petang.

Bagi DBM, sebarang pertanyaan lanjut bolehlah menghubungi talian +673 2382301 sambungan 234 atau 237. Sementara bagi Daerah Belait, bolehlah berhubung dengan Awang Mohd. Noorsuffian bin Haji Yahya, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait melalui talian +673 8874466.

Manakala bagi Daerah Tutong, bolehlah berhubung dengan Dayang Noraini binti Haji Saniah, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong melalui talian +673 8243010; sementara bagi Daerah Temburong, bolehlah berhubung dengan Awang Haji Hazimin bin Haji Metali, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong melalui talian +673 8851981.



BORANG PENYERTAAN PERARAKAN

مجلس سمبوتن مولود نبي محمد صلى الله عليه وسلم قرىكت نكارا تاهون ١٤٤٨

Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad

Shallallahu 'Alaihi Wasallam

Peringkat Negara Tahun 1448 Hijrah

PENYERTAAN DIBUKAKAN KEPADA:

- Pasukan Tidak Bernombor
- Kementerian-Kementerian
- Institusi Pengajian Tinggi / Maktab / Sekolah Arab / Sekolah Menengah / Swasta
- Kampung dan Masjid
- Persatuan dan Sektor Swasta

BORANG PENYERTAAN DIKEMBALIKAN KEPADA:

Daerah Brunei dan Muara:
Bahagian Kemajuan Sy'iar Islam
Tingkat 2, Kementerian Hal Ehwal Ugama
Jalan Dewan Majlis, BB3910
Negara Brunei Darussalam
atau melalui
Faks: [2382351](tel:2382351) E-mel: syiar.islam@mora.gov.bn

Daerah Belait, Tutong dan Temburong:
Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah masing-masing

TARIKH TUTUP PENDAFTARAN DAN MENGEMBALIKAN BORANG PENYERTAAN:

Sabtu, 02 Rabiulawal 1448 / 15 Ogos 2026
Pukul 4.00 petang




Imbas KOD QR atau layari
laman sesawang www.kheu.gov.bn
untuk muat turun Borang Penyertaan

PELITA BRUNEI Hari Rabu 20 Julai, 1966.

Muka 7.

Perlawanan Sepak Raga Jaring Sambutan Hari Jadi D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan Anjoran P.G.G.M.B.

BANDAR BRUNEI. — Sa-banyak 38 pasokan2 di-Daerah Brunei telah mendaftarkan nama untuk mengambil bahagian dalam Perlawanan Sepak Raga Jaring bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin.

Perlawanan Sepak Raga Jaring tersebut di-adakan atas anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, ia-itu sa-bahagian daripada projek2 tahunan P.G.G.M.B.

Ini-lah tahun kelima Perlawanan Sepak Raga Jaring tersebut di-adakan. Jumlah pasokan2 yang telah mendaftarkan nama untuk mengambil bahagian pada tahun ini adalah lebih banyak lagi daripada jumlah pasokan yang telah mengambil bahagian pada tahun 1965.

Pada tahun lalu, sa-banyak 25 pasokan telah mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut.

Perlawanan Sepak Raga Jaring tersebut di-bahagikan kepada dua bahagian, ia-itu Bahagian "A" dan "B".

Perlawanan itu ada-lah terbuka kepada (a) Jabatan2, (b) Maktab2 dan Sekolah2, (c) Klub2 dan (d) Persatuan2, ia-itu Badan2 yang sah terdaftar dari pihak Kerajaan.

Pasokan2 yang telah mendaftarkan nama untuk mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut ada-lah mengandungi Kumpulan "A" — 17 Pasokan dan Kumpulan "B" — 21 Pasokan, ia-itu seperti berikut:

1. Persatuan Kampong Sungai Kebun (PUSAKA) — 2 Pasokan.
2. Persatuan Kampong Saba (PERKASA) — 2 Pasokan.
3. Sekolah Menengah Melayu Pertama (SMMP) — 2 Pasokan.

4. Maktab Perguruan Melayu Brunei (MPMB) — 2 Pasokan.
5. Ikatan Belia Berakas (IBBB) — 2 Pasokan.
6. Ikatan Kampong Lorong Sekuna (IKLS) — 2 Pasokan.
7. Kampong Ujong Bukit Bersatu (KUBU) — 2 Pasokan.
8. Askar Melayu Di-Raja Brunei (AMDB) — 2 Pasokan.
9. Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Brunei (SOAS) — 2 Pasokan.
10. Persatuan Kampong Bakut China (Badan Kesatuan Tunas Ibunda — BAKTI) — 2 Pasokan.
11. Persatuan Ikatan Setia Pahlawan (INSAP) — 2 Pasokan.
12. Perkhidmatan Tahanan Berakas (SRI TANJONG) — 2 Pasokan.
13. Polis Di-Raja Brunei (PULIS) — 2 Pasokan.
14. Perkhidmatan Bomba (BOMBA) — 2 Pasokan.
15. Persatuan Angkatan Belia Burong Pingai, Brunei (PERANGKAB) — 2 Pasokan.
16. Persatuan Tiga Kampong Bersatu, Sungai Hanching (TIBA) — 2 Pasokan.
17. Persatuan Pakatan Pemuda Pemudi Kampong Ayer (3PKA) — 1 Pasokan ia-itu Pasokan "B" sahaja.

18. Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi Kampong Sultan Lama, Brunei (PAPP) — 1 Pasokan, ia-itu Pasokan "B" sahaja.
19. Pasokan Sepak Raga Jaring Ikatan Pemuda (SRJIP) — 1 Pasokan, ia-itu Pasokan "A" sahaja.
20. Pejabat Perubatan (PERUBATAN) — 1 Pasokan, ia-itu Pasokan "B" sahaja.
21. Persekutuan Guru2 Melayu Brunei (PGGMB) — 1 Pasokan, ia-itu Pasokan "B" sahaja.
22. Persatuan Pemuda Pemuda di Kampong Sumbiling Brunei (3 PKS) — 1 Pasokan, ia-itu Pasokan "B" sahaja.

Pemenang2 pada tahun 1965 ada-lah seperti berikut:

SEPAK RAGA JARING

KUMPULAN "A": Johan — Pasokan Sepak Raga Jaring Ikatan Pemuda (SRJIP) — Pemegang hadiah2 rebutan (a) PERISAI Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanah Bol-kiah dan (b) OSKAR Persekutuan Guru2 Melayu Brunei.

KUMPULAN "B": Johan —

Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei. Pemegang hadiah rebutan PERISAI Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mohamed Bol-kiah.

SEPAK RAGA BULATAN

Johan — Pasokan Perkhidmatan Bomba Brunei. Pemegang hadiah rebutan PERISAI Iktesad Guru2 Melayu Brunei.

PERLAWANAN KALAH MATI

Johan — Pasokan Sepak Raga Jaring Ikatan Pemuda (SRJIP) "A" Pemegang hadiah rebutan PIALA Penulong Menteri Kebajikan Masyarakat dan Pos, Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Limbang.

CHAMPORAN MATA "A" DAN "B"

Johan — Pasokan Sepak Raga Jaring Ikatan Pemuda (SRJIP). Pemegang PIALA Penulong Menteri Kesehatan, Yang Berhormat Pehin Bendahari China Awang Hong Kok Tin.

Di-susun oleh Awang Md. Hussain bin Zainal.

Perlawanan Bola Sepak Di-Bandar Brunei

BANDAR BRUNEI. — Jadual Perlawanan Bola Sepak anjoran Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei mulai pada hari Rabu 20 Julai hingga ka-hari Selasa 26 Julai ada-lah seperti berikut:

- 20 Julai: Sungai Kedayan melawan Sumbiling "A". Penjaga Tepi — Sultan Lama "A".
- 21 Julai: Burong Pingai melawan Sukarela Tutong. Penjaga Tepi — Sultan Lama "B".
- 22 Julai: 3PKA melawan Sukarela Tutong. Penjaga Tepi — Sumbiling "B".
- 23 Julai: Belia Sengkurong melawan Sultan Lama "B". Penjaga Tepi — Sungai

- Kebun.
- 25 Julai: Perkasa melawan Kubu. Penjaga Tepi — Sumbiling "A".
- 26 Julai: Sungai Kedayan melawan Sungai Kebun. Penjaga Tepi — Perkasa.

Perlawanan2 Bola Sepak tersebut di-kelolakan oleh Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Sumbiling dan di-adakan di-Padang Besar Bandar Brunei pada hari yang berkenaan.

Perlawanan Bola Sepak Di-Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Jadual Perlawanan Bola Sepak League Daerah Belait di-bawah anjoran B. D. A. F. L. pada hari Sabtu 23 Julai dan hari Selasa 26 Julai ada-lah seperti berikut:

23 JULAI

- (a) Klub Melayu Shell "A" melawan Maktab Anthony Abell. Padang — Arena. Pengadil — Awang R. G. Clark.
- (b) Klub Dayak Shell melawan Pasokan Bekas Penuntut2 Sekolah Saint Michael. Padang — Marina. Pengadil — Pengiran Besar.
- (c) Jabatan Kerja Raya "A" melawan Jabatan Kerja Raya "B". Padang — Kuala Belait Recreation Club. Pengadil — Awang Salleh.
- (d) Panaga Club melawan Kuala Belait Recreation Club. Padang — Panaga. Pengadil — Inspektor Abu

Zar bin Abu Bakar.

26 JULAI

- (a) Polis Di-Raja melawan Sekolah Saint Michael. Padang — Arena. Pengadil — Awang R. G. Clark.
- (b) Kuala Belait Recreation Club melawan Jabatan Kerja Raya "B". Padang — Kuala Belait Recreation Club. Pengadil — Inspektor Abu Zar bin Abu Bakar.
- (c) Klub Melayu Shell "A" melawan Panaga Club. Padang — Panaga. Pengadil — Awang Salleh.
- (d) Pasokan 2/6 Gurkha Rifles melawan Maktab Anthony Abell. Padang — Marina. Pengadil — Pengiran Besar.

JAWATAN KOSONG:

Penyelenggara Setor Di-Pejabat Perkhidmatan Bomba Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada pegawai2 yang menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Penyelenggara Setor Tingkat II di-Pejabat Perkhidmatan Bomba, Brunei.

Gaji: Dalam sukatan D2 EB 3 \$270x15-360/EB/380x20-480.

Hanya pemohon2 yang mempunyai kelayakan2 yang berikut di-kehendaki memohon:—

- (a) Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah V Sekolah Melayu dan Form I, Sekolah Inggeris atau yang bersamaan dengannya.

- (b) Pemohon2 mesti-lah berpengalaman dalam kerja setor selama sekurang2-nya 5 tahun.

Permohonan2 mesti-lah dihantar melalui Ketua2 Pejabat masing2 yang di-kehendaki menghantarkan laporan sulit dan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti dipenohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 30 Julai, 1966.



Muzium Maritim Brunei Darussalam memelihara warisan maritim negara

MUZIUM Maritim Brunei Darussalam (MMBD) merupakan sebuah institusi yang berperanan memelihara dan mempamerkan sejarah maritim negara, termasuk peninggalan artifak serta warisan pertukangan maritim dari pelbagai era. Muzium ini juga merupakan antara pencapaian penting dalam bidang arkeologi maritim negara kerana berfungsi sebagai pusat pemuliharaan, penyelidikan dan pameran yang menentang warisan maritim serta penemuan arkeologi berkaitan sejarah perdagangan dan pelayaran Brunei. MMBD terletak di Kota Batu dan telah dirasmikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah pada 23 Mac 2015.

Muzium ini dibangunkan di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10 di atas kawasan seluas 3.53 hektar (8.74 ekar). Ia berfungsi sebagai repositori sejarah maritim yang menentang warisan pelayaran, perdagangan, dan hubungan maritim Brunei dengan dunia luar.

Dari aspek seni bina, reka bentuk bangunan muzium ini direka berkonsepkan sebuah kapal yang jelas kelihatan dari pandangan hadapan. Konsep tersebut dipilih bagi mencerminkan kegemilangan Brunei sebagai pusat perdagangan maritim yang masyhur pada suatu ketika dahulu. Gabungan elemen sejarah dan teknologi moden menjadikan muzium ini sebagai sebuah pusat pendidikan dan penyelidikan yang penting dalam usaha memelihara serta memartabatkan warisan maritim negara.

Objektif utama

MMBD berfungsi sebagai repositori sejarah maritim yang menghimpunkan pelbagai peninggalan artifak dan warisan pertukangan maritim daripada pelbagai era. Misi muzium ini adalah untuk memelihara sejarah maritim Brunei melalui koleksi artifak yang memperlihatkan peranan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai sebuah pusat perdagangan dan penempatan utama.

Galeri tetap di MMBD

MMBD mempunyai tiga galeri tetap yang berperanan memperkenalkan dan memelihara sejarah maritim NBD, di samping mendidik pengunjung mengenai warisan negara yang kaya dalam bidang pelayaran dan perdagangan maritim.

Galeri Kapal Karam Brunei
Ianya mempamerkan penemuan kapal

karam Brunei yang ditemui pada tahun 1997, merupakan penemuan arkeologi maritim yang paling signifikan kerana membuktikan peranan Brunei dalam perdagangan antarabangsa pada akhir abad Ke-15 hingga awal abad Ke-16 Masihi. Pelbagai artifak yang ditemui bersama kapal karam berkenaan turut dipamerkan, termasuk seramik, barangan kaca, dan pelbagai barangan dagangan lain yang menunjukkan hubungan perdagangan Brunei dengan China, Asia Tenggara dan Timur Tengah.

Galeri Tapak Warisan Arkeologi

Tapak warisan arkeologi ini mempunyai kaitan rapat dengan sejarah maritim Brunei. Antaranya ialah Pulau Terindak, yang dipercayai pernah berfungsi sebagai salah sebuah pelabuhan perdagangan maritim utama di Kota Batu sekitar abad Ke-15 Masihi. Selain itu, turut mempamerkan pelbagai penemuan arkeologi kehidupan maritim masyarakat Brunei pada zaman lalu, termasuk peninggalan pelabuhan lama, barangan tembikar, serta struktur berkaitan perdagangan dan pelayaran. Galeri ini bertujuan untuk memberi pemahaman yang lebih mendalam mengenai kepentingan arkeologi dalam mengkaji sejarah maritim negara.

Galeri Kegemilangan Maritim Brunei

Ianya memfokus kepada sejarah kegemilangan maritim Brunei, termasuk pencapaian sebagai kuasa maritim pada zaman silam. Pameran merangkumi pelbagai aspek seperti teknologi pembinaan kapal tradisional, peranan pelaut dan pedagang Brunei serta pengaruh sektor maritim terhadap perkembangan ekonomi dan budaya negara. Galeri ini juga menyoroti kepentingan perairan Brunei sebagai laluan perdagangan serantau dan antarabangsa.

Peranan, keunikan MMBD

MMBD mempunyai nilai sejarah yang amat besar kerana berperanan memelihara dan mempamerkan warisan maritim negara yang mencerminkan kedudukan NBD sebagai sebuah kerajaan maritim yang aktif dalam perdagangan dan hubungan antarabangsa sejak berabad-abad lamanya.

Muzium ini turut berfungsi sebagai pusat pendidikan dan penyelidikan yang memperkenalkan masyarakat kepada sejarah pelayaran, perdagangan laut, penemuan arkeologi serta perkembangan ekonomi maritim negara. Keunikannya terseloh melalui artifak bersejarah, replika kapal dan bahan pameran yang menggambarkan kehidupan masyarakat

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland dengan kerjasama
Jabatan Muzium-Muzium

Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland, Ihsan Jabatan Muzium-Muzium

maritim Brunei pada masa lalu.

Di samping itu, muzium ini turut menganjurkan pelbagai pameran khas yang membantu menarik minat pengunjung, khususnya generasi muda. Melalui pendekatan yang informatif, MMBD bukan sahaja meningkatkan pengetahuan masyarakat tentang sejarah dan budaya maritim negara, malah menyemai rasa bangga, menghargai serta tanggungjawab dalam memelihara warisan demi manfaat generasi akan datang.

Usaha, inisiatif menarik lebih ramai pengunjung

Selain mengadakan pameran, MMBD turut menganjurkan pelbagai aktiviti sempena cuti persekolahan bagi memperkenalkan bidang arkeologi serta penemuan artifak hasil daripada penggalian atau pengutipan di tapak-tapak arkeologi. Aktiviti ini lazimnya diadakan di ruang lobi muzium, merangkumi program seperti mini ekskavasi, kuiz, teka-teki serta pertandingan mewarna.

Pada masa yang sama, MMBD melalui Jabatan Muzium-Muzium turut merancang untuk menambah baik galeri sedia ada dengan menerapkan penggunaan teknologi terkini bagi mewujudkan pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif dan menarik.

Melalui penggunaan teknologi tersebut, pengunjung berpeluang meneroka sejarah secara lebih dinamik, antaranya menyaksikan gambaran kehidupan pelaut Brunei pada zaman silam serta rekonstruksi kapal dagang lama melalui paparan digital. Teknologi ini juga membolehkan pengunjung berinteraksi dengan objek sejarah secara maya tanpa menjejaskan keselamatan artifak asal.

Selain itu, pihak muzium turut merancang untuk memanfaatkan ruang lobi sebagai lokasi pameran sementara. Inisiatif ini akan membuka lebih banyak peluang untuk mempamerkan koleksi istimewa, menganjurkan pameran bertema, serta memperkenalkan penemuan baharu dalam bidang maritim dan arkeologi. Ruang tersebut juga boleh digunakan bagi pameran kerjasama dengan institusi tempatan dan antarabangsa sekali gus memperkayakan kandungan pameran serta menarik lebih ramai pengunjung daripada pelbagai lapisan masyarakat di samping memperkukuh

apresiasi masyarakat terhadap warisan maritim negara melalui pendekatan yang lebih moden, kreatif dan interaktif.

Waktu lawatan

Muzium ini dibukakan kepada orang ramai pada setiap Sabtu hingga Khamis, dari pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Pada Jumaat, muzium ditutup kepada orang ramai. Kemasukan adalah percuma bagi warganegara dan penduduk tetap NBD. Bagi pelawat yang bukan residen, kadar bayaran masuk ialah BND3 bagi dewasa dan BND1 bagi kanak-kanak berumur tujuh hingga 11 tahun.

Harapan terhadap generasi muda

Harapan utama pihak muzium ialah agar kesedaran dan penghargaan terhadap warisan maritim Brunei terus dipupuk supaya nilai sejarah serta identiti maritim negara terus terpelihara dan diwariskan kepada generasi akan datang.

Melalui Jabatan Muzium-Muzium, MMBD berharap orang ramai akan terus menghargai dan menyokong peranan muzium sebagai pusat pemuliharaan, penyelidikan dan pendidikan warisan maritim. Antaranya ialah dengan mengunjungi muzium secara berkala bagi menambah pengetahuan mengenai sejarah serta warisan maritim negara, sekali gus meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan usaha pemeliharaan khazanah tersebut.

Selain itu, penyertaan aktif masyarakat dalam program-program yang dianjurkan, seperti aktiviti cuti sekolah dan pameran khas amatlah dialu-alukan bagi memastikan ilmu serta warisan maritim negara terus diwarisi oleh generasi akan datang.

Pihak muzium juga berharap agar masyarakat, khususnya para pelajar dan penyelidik, menjadikan MMBD sebagai sumber rujukan utama dalam kajian berkaitan sejarah dan arkeologi maritim negara.

Di samping itu, kerjasama erat antara pihak muzium, komuniti, institusi pendidikan, dan sektor swasta amat penting dalam memperkaya kandungan pameran serta melaksanakan lebih banyak program pendidikan yang mampu menyemarakkan lagi minat masyarakat terhadap warisan maritim negara.

TINGKATKAN PENGETAHUAN, KEMAHIRAN PENGURUSAN JENAZAH

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid**



PEGAWAI Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Aidil Sufian bin Mohd. Yassin hadir selaku tetamu khas majlis semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang penerima.

Sentiasa pantau hal ehwal kebajikan pekerja

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh**

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 Julai. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh Cawangan Daerah Belait telah menjalankan Operasi Usai 166/2026 dan 167/2026 di kawasan Seria pada 11 Julai 2026 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, Penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

Jabatan Buruh melalui pemeriksaan pertama yang dijalankan ke atas sebuah restoran telah mendapati sebanyak lima kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan terhadap pekerja-pekerja.

Kesalahan-kesalahan tersebut ialah Bab 39 gagal membayar gaji pekerja dan lebih masa; Bab 64 gagal memberikan cuti rehat; Bab 65 melebihi jam bekerja yang telah ditetapkan; Bab 70 gagal memberikan cuti pada hari kelepasan awam yang diwartakan dan Bab 112 kesalahan melanggar syarat-syarat lesen pengambilan pekerja asing yang mana seorang pekerja asing bekerja dengan majikan lain daripada majikan yang sah.

Manakala melalui pemeriksaan kedua yang dijalankan ke atas sebuah pos sekuriti telah mendapati sebanyak empat kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan terhadap pekerja-pekerja.

Kesalahan-kesalahan tersebut ialah Bab 12 membuat terma-terma kontrak perkhidmatan yang menyalahi undang-undang; Bab 39 gagal membayar gaji pekerja dan lebih masa; Bab 44 membuat pemotongan gaji pekerja yang tidak dibenarkan dan Bab 65 melebihi jam bekerja yang telah ditetapkan.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 seperti pembayaran gaji tepat pada waktunya, memberikan cuti pada hari kelepasan awam yang telah diwartakan, memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan, dan memberikan hak cuti tahunan kepada pekerja serta membiayai tiket balik pekerja yang sudah tamat kontrak perkhidmatan.

Untuk makluman lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh di talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh Cawangan Daerah Belait semasa melaksanakan Operasi Usai 166/2026 dan 167/2026 di kawasan Seria.

TUTONG, Isnin, 20 Julai. - Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Pengiran Muda Abdul Wakeel, Kiudang telah mengadakan Kursus Kifayah bagi Ahli Jawatankuasa Takmir, Jemaah dan Muslimah Masjid-masjid Daerah Tutong.

Acara berlangsung di masjid berkenaan. Penganjuran kursus ini merupakan antara program tahunan Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong dan salah satu aktiviti Takmir Masjid berkenaan adalah bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran masyarakat dalam pengurusan

jenazah mengikut syariat Islam.

Di samping itu, kursus ini juga berperanan mengeratkan silaturahim dalam kalangan ahli jawatankuasa takmir, jemaah dan muslimah masjid, memupuk semangat keislaman serta terus mengimarahkan institusi masjid sebagai pusat ilmu dan kemasyarakatan. Kursus tersebut disertai oleh Ahli Jawatankuasa Takmir, jemaah dan kumpulan muslimah dari masjid-masjid seluruh Daerah Tutong.

Para peserta didedahkan dengan teori dan amali pengurusan jenazah meliputi kaedah memandikan, mengkafankan,

menyembahyangkan serta pengurusan pengebumian menurut hukum syarak.

Majlis penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Aidil Sufian bin Mohd. Yassin selaku tetamu khas majlis.

Melalui penganjuran kursus ini, diharapkan lebih ramai ahli masyarakat mempunyai pengetahuan dan keyakinan untuk melaksanakan fardu kifayah dengan sempurna, sekali gus memperkukuhkan peranan masjid sebagai pusat pendidikan, dakwah dan khidmat kepada masyarakat.

Selera KAMPUNG Kitani



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Mee Goreng Bihun Kampung Sungai Sulok, Temburong

BAHAN-BAHANNYA :

- 1 pek bihun
- 4 biji bawang merah
- 3 ulas bawang putih
- 1 sudu besar udang kering (ditumbuk)
- 2 biji telur ayam
- 1 sudu besar cili kisar
- 1 sudu sos tiram
- 1/2 sudu kecil garam

1/2 serbuk secukup rasa

1 ikat sayur sawi

Daun bawang dan cili potong

CARA-CARA MEMASAKNYA :

Potong kasar bawang merah dan bawang putih. Panaskan kualiti dan tumis bahan sehingga kekuningan. Masukkan cili kisar, kacau sekejap hingga naik

minyak. Masukkan udang kering, sos tiram, garam dan serbuk secukup rasa kemudian masukkan telur gaulkan sebat. Setelah itu, masukkan bihun yang telah direndam. Jika bihun masih keras, tuang air sedikit-sikit kacau sampailah lembut. Hidangkan dengan cili potong dan daun bawang.



CAPE TOWN, 20 Julai. - Beberapa pekerja di Loji Kuasa Nuklear Koeberg di Afrika Selatan terdedah kepada radiasi ketika menjalankan kerja penyelenggaraan dalam tiga

PEKERJA TERDEDAH RADIASI DI LOJI KUASA NUKLEAR KOEBERG, AFRIKA SELATAN

insiden yang berlaku sejak beberapa minggu lepas, kata Menteri Tenaga Kgosientsho Ramokgopa pada taklimat media pada Ahad, lapor Agensi Berita Jerman (DPA).

Ramokgopa berkata insiden berkenaan berjaya dikawal, tiada

bahan radioaktif dilepaskan ke persekitaran dan tiada sebarang bahaya kepada komuniti berhampiran.

Insiden di loji kuasa yang terletak kira-kira 30 kilometer di utara Cape Town itu berlaku pada 30 Jun serta 2 dan 7 Julai lepas.

Menurut menteri itu, kejadian berpunca daripada gangguan bekalan elektrik sementara yang menjejaskan sistem pengudaraan loji berkenaan. Beliau berkata dos radiasi yang diterima pekerja adalah lebih rendah berbanding pendedahan daripada sinar-X

pergajian rutin.

Sementara itu, Ketua Bahagian Keselamatan Nuklear Afrika Selatan Velaphi Ntuli berkata insiden itu tidak mencapai ambang yang memerlukan ia dilaporkan sebagai insiden keselamatan nuklear. - ©BERNAMA

Republik Singapura perkenal garis panduan ketelusan Chatbot AI Generatif bagi melindungi pengguna

REPUBLIK SINGAPURA, 20 Julai. - Republik Singapura memperkenalkan garis panduan baharu mengenai ketelusan chatbot Kecerdasan Buatan Generatif (GenAI) bagi membantu pengguna membuat keputusan yang lebih bermaklumat mengenai perkhidmatan yang digunakan serta data yang ingin dikongsi.

Dikenali sebagai Garis Panduan Ketelusan untuk Chatbot GenAI, inisiatif itu bertujuan menyeragamkan cara maklumat dikongsi dengan orang ramai serta mewujudkan ekosistem yang dipercayai agar pengguna dapat menggunakan GenAI dengan lebih yakin.

"Garis panduan ini menetapkan cara pengendali Chatbot GenAI boleh menyediakan ketelusan yang bermakna kepada pengguna.

"Ia merangkumi jenis maklumat yang mungkin penting kepada pengguna serta cara maklumat itu boleh dikongsi secara jelas, mudah diakses dan tepat pada

masanya," menurut Penguasa Pembangunan Infokom Media (IMDA) dalam kenyataan pada Isnin.

Menurut IMDA, garis panduan itu menggesa organisasi menyediakan Kad Maklumat Chatbot, seperti halaman maklumat khusus atau dokumen pendedahan yang membolehkan pengguna memperoleh maklumat penting mengenai Chatbot yang mereka gunakan di satu tempat.

"Garis panduan ini menggalakkan pengendali chatbot menyediakan maklumat yang relevan, mudah diakses dan tepat pada masanya menerusi 'Kad Maklumat Chatbot'.

"Ini akan memudahkan penggunaan chatbot GenAI secara selamat dan bertanggungjawab dengan membolehkan pengguna membuat keputusan yang lebih bermaklumat, termasuk mengenai jenis data yang ingin mereka kongsi dengan perkhidmatan berkenaan," menurut kenyataan

itu.

IMDA berkata garis panduan ketelusan itu merupakan satu langkah penting dalam usaha Singapura membangunkan ekosistem AI yang dipercayai.

"Seiring AI berkembang ke sektor seperti penjagaan kesihatan, pendidikan dan perkhidmatan kewangan, IMDA akan bekerjasama dengan pengawal selia sektor dan rakan strategik lain untuk memperluas serta menyesuaikan prinsip ini bagi memenuhi keperluan ketelusan yang khusus mengikut sektor," katanya.

IMDA berkata garis panduan baharu itu dilancarkan oleh Menteri Penerangan dan Pembangunan Digital (MDDI) Singapura Josephine Teo sempena pembukaan Festival Data Singapura (SDF) yang julung kali diadakan di republik itu.

IMDA merupakan agensi yang menerajui usaha transformasi digital Republik Singapura

dengan membangunkan asas infrastruktur digital negara serta memacu inovasi digital ke arah mewujudkan tenaga kerja digital yang dinamik dan

masyarakat digital yang selamat, inklusif serta mampu berkembang dalam landskap digital yang pesat berubah. - ©BERNAMA

Angka korban gempa bumi Venezuela meningkat kepada 5,208

ISTANBUL, 20 Julai. - Jumlah kematian akibat dua gempa bumi berturut-turut yang melanda Venezuela bulan lepas meningkat kepada 5,208 orang, kata Presiden Perhimpunan Kebangsaan Jorge Rodriguez pada Ahad, lapor Anadolu Ajansi.

Rodriguez memuat naik jadual di platform media sosial X yang menunjukkan seramai 16,740 orang cedera akibat gegaran kuat itu.

Beliau berkata pihak berkuasa telah menyalurkan bantuan kepada 128,324 keluarga serta menubuhkan 107 pusat perlindungan sementara yang menempatkan 23,820 orang.

Kerajaan turut merekodkan 1,388 gempa susulan.

Kementerian Alam Sekitar Venezuela memaklumkan pelaksanaan pelan pemulihan alam sekitar yang dilancarkan bagi memulihkan kawasan pesisir pantai di La Guaira, antara wilayah yang paling teruk terjejas akibat gempa bumi itu, menunjukkan perkembangan positif.

Dalam kenyataan yang dimuat naik di akaun rasmi Instagram kementerian itu, pihak berkuasa memaklumkan spesies tumbuhan tempatan akan ditanam bagi membantu memulihkan keseimbangan ekologi pesisir pantai serta memulihkan ekosistem setempat.

Menteri Kuasa Rakyat bagi Ekososialisme Nelson Rodriguez berkata dua gempa bumi itu menghasilkan kira-kira 2.106 juta tan sisa runtuhan di kawasan terjejas.

Beliau berkata anggaran itu diperoleh menerusi kajian pemodelan yang dijalankan secara bersama oleh kerajaan Venezuela dan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP).

Dua gempa bumi berukuran 7.2 dan 7.5 magnitud itu melanda negara Amerika Selatan berkenaan pada 24 Jun. - ©BERNAMA

NEC Republik Korea diserbu dalam siasatan pecah amanah

SEOUL, 20 Julai. - Pasukan penyiasat bersama polis dan pendakwa raya Republik Korea pada Isnin menyerbu Suruhanjaya Pilihan Raya Kebangsaan (NEC) sebagai sebahagian daripada siasatan berhubung dakwaan pecah amanah membabitkan bekas pengerusinya, Roh Tae-ak, serta penyalahgunaan dana suruhanjaya, lapor Agensi Berita Yonhap.

Penyiasat memulakan pemeriksaan di pejabat pengerusi NEC pada sebelah pagi selepas mengemukakan waran geledah yang menamatkan Roh serta beberapa pegawai NEC lain yang tidak didedahkan identitinya sebagai suspek

jenayah. Kediaman Roh dilaporkan tidak termasuk dalam operasi geledah pada hari itu.

Sepanjang tempoh perkhidmatannya, Roh mengadakan tiga lawatan kerja ke Australia dan New Zealand, Republik Persekutuan Jerman dan Estonia, serta Denmark dan Sweden, dengan isterinya mengiringi beliau dalam kesemua lawatan itu. Bagaimanapun, kehadiran isterinya tidak dinyatakan dalam laporan rasmi selepas lawatan yang dikeluarkan NEC, sekali gus mencetuskan syak wasangka berlaku pecah amanah berkaitan tugas.

NEC turut disiasat secara berasingan berhubung dakwaan

bahawa 461 kakitangannya mengadakan 107 lawatan kerja ke luar negara antara 2022 hingga Jun tahun ini ke kawasan peranginan dan destinasi pelancongan popular, termasuk Maldives, Bangkok, Kota Kinabalu dan Florence.

Siasatan itu dimulakan selepas parti pembangkang utama, Parti Kuasa Rakyat (PPP), memfailkan aduan terhadap Roh pada 19 Jun atas syak wasangka melakukan pecah amanah berkaitan tugas.

Roh meletakkan jawatan bulan lepas selepas kekurangan kertas undi mengganggu proses pengundian di beberapa pusat mengundi di selatan Seoul semasa pilihan raya tempatan pada 3 Jun. - ©BERNAMA

Kanada laksana langkah sempadan baharu susulan wabak Ebola

OTTAWA, 20 Julai. - Agensi Kesihatan Awam Kanada (PHAC) pada Ahad mengumumkan pelaksanaan langkah sempadan sementara baharu bagi mengurangkan risiko penyakit Ebola memasuki dan merebak di negara itu, lapor Xinhua.

Menurut kenyataan PHAC, berkuat kuasa Isnin, mana-mana warga asing yang berada di Republik Demokratik Congo dalam tempoh 21 hari lalu dilarang memasuki Kanada.

Langkah itu bertujuan mengurangkan risiko kesihatan

awam terhadap rakyat Kanada serta meningkatkan keberkesanan dan kemampunan langkah kawalan sempadan dalam mengendalikan memasuki pelancong dengan selamat, termasuk petugas kemanusiaan yang pulang ke negara itu.

Tiada perubahan terhadap peraturan bagi warganegara Kanada, penduduk tetap dan individu yang berdaftar di bawah Akta India Kanada yang berada di Republik Demokratik Congo, Uganda atau Sudan Selatan

dalam tempoh 21 hari lalu.

Mereka masih dibenarkan memasuki Kanada, namun perlu menjalani pemeriksaan kesihatan sebaik tiba dan dikuarantin selama 21 hari.

Syarat itu, bersama semua langkah lain di bawah Perintah dalam Majlis terdahulu, akan terus berkuat kuasa sehingga 29 Ogos 2026.

PHAC berkata tiada kes Ebola melibatkan individu yang memasuki Kanada dari luar negara dilaporkan setakat ini. - ©BERNAMA

4 lagi rakyat Malaysia terkandas di atas kapal di UAE selamat pulang

KUALA LUMPUR, 20 Julai. - Empat lagi anak kapal rakyat Malaysia dari kapal MV Berkat Tuah yang terkandas di Pelabuhan Hamriyah, Sharjah, Emiriah Arab Bersatu (UAE) selamat pulang ke tanah air, sekali gus melengkapkan usaha membawa pulang kesemua lapan rakyat Malaysia dari kapal berkenaan.

Kementerian Luar, yang turut dikenali sebagai Wisma Putra berkata kru berkenaan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 9 pagi Isnin dengan usaha berterusan Konsulat Jeneral Malaysia di Dubai dan Jabatan Laut Malaysia bersama pihak berkuasa Sharjah.

Dalam satu kenyataan pada Isnin, kementerian memaklumkan empat anak kapal berkenaan dibenarkan turun dari kapal pada 18 Julai, manakala empat lagi dari kapal sama telah pulang ke Malaysia pada 10 April.

Sebelum kepulangan mereka, Pihak Konsulat Jeneral Malaysia di Dubai juga melakukan beberapa siri lawatan konsular terhadap anak-anak kapal itu bagi memastikan kebajikan dan keselamatan mereka sentiasa terpelihara.

"Pada masa yang sama, pihak Konsulat Jeneral turut berunding dengan pihak berkuasa Sharjah serta menyelaras usaha dengan Jabatan Laut Malaysia dan pemegang taruh yang berkaitan bagi membolehkan proses kepulangan anak-anak kapal itu berjalan secepat mungkin," menurut kementerian.

Kementerian itu turut merakamkan penghargaan Malaysia kepada kerajaan UAE atas bantuan dan kerjasama yang diberikan dalam memudahkan kepulangan selamat anak kapal berkenaan.

Wisma Putra melalui Perwakilan Diplomatik Malaysia di luar negeri sentiasa komited dalam usaha memastikan kebajikan rakyat Malaysia di luar negara sentiasa terpelihara. - ©BERNAMA

PELANCONGAN DOMESTIK PHNOM PENH TAMPUNG KEMEROSOTAN KETIBAAN PELANCONG ASING



PHNOM PENH, 21 Julai. - Pemulihan kukuh sektor pelancongan domestik membantu Phnom Penh mengurangkan kesan kemerosotan ketibaan pelancong antarabangsa, dengan hampir 14 juta perjalanan pelancongan dalam negara direkodkan pada separuh pertama tahun ini.

Timbalan Pengarah Jabatan Pelancongan Phnom Penh An Syeha berkata ibu negara itu menerima hampir 10 juta pelawat domestik sepanjang 2025, namun jumlah itu telahpun diatasi dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini.

"Dalam separuh pertama tahun ini (Januari hingga Jun), seramai 13.9 juta pelancong domestik dari seluruh negara mengunjungi

Phnom Penh, termasuk rakyat Kemboja dan ekspatriat yang menetap di negara ini," katanya kepada Bernama di luar acara Cambodia Travel Match di sini pada Isnin.

Acara perniagaan keperniagaan (B2B) yang dianjurkan di beberapa bandar utama seperti Siem Reap, Phnom Penh dan Sihanoukville bertujuan mempromosikan Kemboja sebagai destinasi pilihan pelancong dari Republik India.

Syeha berkata Phnom Penh telah berubah daripada sebuah 'bandar tinggal' kira-kira empat dekad lalu kepada sebuah pusat komersial yang pesat membangun.

"Ke mana sahaja anda melihat, terdapat perniagaan, kedai dan

orang ramai yang bersesak-sesak. Pihak berkuasa menganjurkan lebih banyak acara mingguan dan bermusim bagi menyokong industri pelancongan kerana kami menyaksikan penurunan ketibaan pelancong antarabangsa," katanya.

Antara inisiatif itu ialah Chaktomuk Walk Street yang dibuka pada setiap hujung minggu di tengah-tengah ibu negara dan kini menjadi tarikan popular dengan kira-kira 100,000 pengunjung setiap minggu.

Beliau berkata kempen Green Season anjuran Kementerian Pelancongan yang diadakan pada musim hujan, selain Forum dan Pameran Pelancongan Mesra Muslim Kemboja 2026 yang baru

sahaja berakhir, turut membantu merencanakan pelancongan domestik.

Penganalisis pelancongan berpandangan bahawa pelancongan domestik kini semakin penting berikutan ketidakpastian geopolitik yang mengubah corak perjalanan, sekali gus mendorong destinasi pelancongan lebih bergantung kepada pelawat tempatan bagi mengekalkan perniagaan pelancongan ketika permintaan pelancong antarabangsa lemah.

Menurut Kementerian Pelancongan Kemboja, ketibaan pelancong antarabangsa merosot 47.8 peratus kepada 1.54 juta orang bagi tempoh Januari hingga Mei berbanding tempoh sama tahun

lepas susulan ketegangan geopolitik, penutupan sempadan akibat pertikaian sempadan antara Kemboja dan Thailand serta peningkatan kos perjalanan.

Kemerosotan itu meningkatkan lagi usaha untuk memulihkan industri yang menjana pendapatan sebanyak USD3.9 bilion (RM16 bilion) daripada 5.6 juta pelancong asing tahun lepas serta menyokong ribuan pekerjaan di hotel, rumah tumpangan, restoran dan sektor perkhidmatan pengangkutan.

Walaupun berdepan kelembapan itu, Phnom Penh terus menarik pelawat menerusi gabungan warisan budaya dan kehidupan bandar moden, termasuk pagoda purba, karya seni Khmer, pelayaran sungai, pasar malam yang meriah serta latar langit bandar yang pesat berubah. - ©BERNAMA

Lebih 170,000 penduduk terjejas akibat banjir di timur laut India

MOSCOW, 20 Julai. - Lebih 170,000 penduduk terjejas akibat banjir yang dicetuskan oleh hujan monsun di negeri Assam di timur laut India, menurut laporan The Indian Express pada Isnin, lapor

Sputnik/RIA Novosti.

Menurut laporan itu, bahagian timur negeri berkenaan terjejas teruk, dengan lima sungai melepasi paras bahaya setakat Isnin pagi. Bangunan kediaman mengalami

kerosakan, manakala kawasan pertanian turut menanggung kerugian, kata laporan itu.

Ketua Menteri Assam, Himanta Biswa Sarma berkata kerajaan negeri telah meminta tentera darat

dan tentera udara India untuk bersiap sedia bagi operasi pemindahan dan menyelamatkan sekiranya diperlukan.

Limpahan air Sungai Dihkow turut menjejaskan perkhidmatan

kereta api, dengan beberapa laluan landasan ditenggelami air. Dua perkhidmatan kereta api telah dibatalkan manakala enam lagi diubah laluan, laporakhbhar berkenaan. - ©BERNAMA

IndiGO meterai perjanjian rekod dengan CFM International bagi 1,000 enjin pesawat

HYDERABAD, 21 Julai. - Syarikat penerbangan terbesar India, IndiGo pada Isnin memeterai perjanjian yang mencatat rekod dengan pengeluar enjin Perancis-Amerika, CFM International bagi memperoleh lebih 1,000 enjin LEAP-1A untuk menjana kuasa 510 pesawat Airbus A320neo.

Memorandum persefahaman (MoU) yang dimeterai pada hari pembukaan Pameran Udara Antarabangsa Farnborough itu turut merangkumi sokongan CFM dalam membangunkan kemudahan penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) enjin IndiGo yang bakal

diwujudkan.

"Ini akan menjadi tempahan tunggal terbesar pernah dibuat bagi enjin LEAP, sekali gus mencatat rekod bagi CFM International," menurut kenyataan bersama. India merupakan pasaran ketiga terbesar bagi CFM, sebuah usaha sama 50-50 antara GE Aerospace dengan Safran Aircraft Engines.

Menurut kenyataan itu, lima syarikat penerbangan India kini mengendalikan lebih 400 pesawat yang menggunakan enjin LEAP, manakala 2,000 enjin lagi telah ditempah.

"Ketika IndiGo memasuki fasa pertumbuhan seterusnya untuk

menjadi sebuah syarikat penerbangan yang benar-benar bertaraf global, kami berbesar hati untuk memperluas kerjasama jangka panjang dengan CFM International bagi membekalkan enjin untuk pesawat keluarga Airbus A320/321neo yang akan diterima pada masa depan," kata Willie Walsh.

Walsh dijadual menerajui syarikat penerbangan itu sebagai ketua pegawai eksekutif baharu mulai bulan depan selepas menamatkan tempohnya sebagai ketua pengarah Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA). - ©BERNAMA

Ribut musim sejuk : Chile keluarkan nasihat kesihatan

SANTIAGO, 21 Julai. - Kementerian Kesihatan Chile pada Isnin mengeluarkan nasihat kesihatan awam bagi wilayah utara negara itu susulan ribut musim sejuk, berikutan peningkatan risiko penularan virus pernafasan ketika musim sejuk di Hemisfera Selatan, lapor Xinhua.

Menteri Kesihatan May Chomali berkata kerajaan sedang melaksanakan 'langkah pencegahan' seperti vaksinasi hepatitis A secara besar-besaran bagi melindungi kesihatan awam.

Hujan lebat melanda wilayah Atacama dan Coquimbo di utara Chile sejak minggu lepas.

"Apa yang lazimnya turun dalam tempoh sebulan berlaku hanya dalam masa sejam," kata Setiausaha Rendah Kementerian Dalam Negeri Maximo Pavez.

Hujan lebat itu telah mengorbankan sekurang-kurangnya 10 orang, sekali gus mendorong pengisytiharan keadaan darurat.

Chomali berkata pihak berkuasa bimbang terhadap risiko kesihatan yang berpunca daripada bencana berkaitan cuaca, termasuk kehilangan akses kepada bekalan air minuman yang selamat, komuniti yang terjejas akibat banjir dan terputus daripada bantuan luar serta kesukaran mengagihkan ubat-ubatan.

Beliau berkata nasihat kesihatan itu akan membantu memulihkan infrastruktur hospital yang rosak dengan lebih cepat serta memberi lebih banyak fleksibiliti kepada pihak berkuasa, termasuk membolehkan pesakit dipindahkan dengan lebih cepat dari kawasan terpencil apabila mereka tidak dapat menerima rawatan di kawasan masing-masing. - ©BERNAMA

Ketua Hal Ehwal Agama Arab Saudi lancar pelan musim umrah 1448H di Masjid Nabawi

MADINAH, 21 Julai. - Ketua Hal Ehwal Agama Arab Saudi Sheikh Dr Abdulrahman Al-Sudais melancarkan pelan operasi musim umrah dan ziarah 1448 Hijrah di Masjid Nabawi, lapor Agensi Akhbar Saudi (SPA).

Pelancaran itu menandakan permulaan pelaksanaan sistem bersepadu perkhidmatan keagamaan dan pengisian ilmu secara bersepadu yang bertujuan meningkatkan pengalaman para pengunjung.

Al-Sudais berkata pelan itu memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan mutu perkhidmatan keagamaan, memperkukuh kesiapsiagaan operasi serta menambah baik penyelarasan antara pelbagai agensi dan jabatan bagi menampung pertambahan jemaah umrah dan pengunjung, selain

memperkaya pengalaman kerohanian mereka di masjid berkenaan.

Pelan itu merangkumi pelbagai program dan inisiatif pengisian ilmu, dakwah serta kesedaran, selain meneruskan usaha membangunkan perkhidmatan keagamaan di Masjid Nabawi.

Usaha berkenaan selaras dengan arahan kepimpinan negara untuk memelihara dan mengurus dua masjid suci, memperkukuh peranan keilmuan serta keagamaan Masjid Nabawi dan memperkaya pengalaman jemaah umrah serta pengunjung dari seluruh dunia.

Al-Sudais turut melancarkan Pusat Perkhidmatan Lapangan di Masjid Nabawi sebagai sebahagian daripada pelan operasi musim umrah dan ziarah 1448H

bagi memperkukuh sistem perkhidmatan keagamaan di lapangan serta meningkatkan mutu perkhidmatan kepada para pengunjung.

Beliau berkata pelancaran pusat itu selaras dengan objektif pelan operasi untuk meningkatkan kesiapsiagaan di lapangan, membangunkan sistem perkhidmatan keagamaan dan mempercepat tindak balas terhadap keperluan jemaah umrah serta pengunjung.

Pusat berkenaan merupakan antara tonggak utama operasi musim umrah dan ziarah dalam membantu memperkukuh penyelarasan antara agensi dan jabatan, meningkatkan kecekapan pelaksanaan tugas di lapangan serta menyediakan perkhidmatan keagamaan berkualiti tinggi. - ©BERNAMA

Insiden feri karam di Guyana, 27 mayat ditemukan

GEORGETOWN (Guyana), 21 Julai. - Angka kematian akibat feri MV Barima karam di Guyana meningkat kepada 27 orang, manakala puluhan lagi masih hilang, kata Perdana Menteri Guyana Mark Phillips pada Isnin, lapor Xinhua.

Phillips berkata setakat ini, seramai 69 penumpang berjaya diselamatkan. MV Barima yang membawa 116 penumpang karam di luar pesisir Guyana pada malam Sabtu selepas mengeluarkan isyarat kecemasan.

Feri itu dilaporkan berlayar dari ibu negara Georgetown ke Port Kaituma di barat laut Guyana. Menurut platform penjejakan kapal VesselFinder, feri sepanjang 40 meter itu dibina pada 1939. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



SUKAN AIR BATU MARANG MERIAH, SATUKAN PERPADUAN MASYARAKAT



PEMANGKU Penghulu Mukim Mentiri, Awang Haji Eddie Hardey bin Haji Ibrahim semasa menyampaikan hadiah kepada Pasukan Helang Setia selaku juara Lumba Perahu Kayuh Marathon 30 Orang Pekayuh.

MUKIM MENTIRI, Isnin, 20 Julai. - Pasukan Helang Setia membuktikan kehebatan mereka di Sungai Batu Marang sehingga berjaya menobatkan sebagai juara Lumba Perahu Kayuh Marathon 30 Orang Pekayuh pada perlumbaan bersempena Program Aktiviti Sukan Air

Kampung Batu Marang 2026 anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) berkenaan pada baru-baru ini.

Juara yang menerima hadiah wang tunai sebanyak BND500 berserta piala itu mempamerkan kayuhan yang mantap, disiplin tinggi dan semangat berpasukan

yang jitu untuk menamatkan perlumbaan sejauh 2,500 meter di hadapan pencabar lain, sekali gus membawa pulang gelaran juara.

Manakala Pasukan Persatuan Mukim Saba muncul sebagai naib juara selepas memberikan saingan sengit sepanjang perlumbaan diikuti Pasukan Lela Cheteria melengkapkan kedudukan tiga terbaik dalam acara penutup yang riuh dan meriah daripada sokongan padu daripada orang ramai yang datang.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Pemangku Penghulu Mukim Mentiri, Awang Haji Eddie Hardey bin Haji Ibrahim.

Program seharian itu juga turut dimeriahkan dengan beberapa acara lain antaranya Lumba Berkayuh Perahu JBS 13 orang, Lumba Berkayuh Gobang (Perahu Padian) dengan menyaksikan penyertaan lelaki (50 tahun ke atas), Lumba Berkayuh Perahu Nelayan 3 Orang Lelaki, Lumba Perahu JBS 11 Orang bagi merebut Piala Pusingan, Lumba Berkayuh Perahu Nelayan (seorang lelaki dan empat perempuan) serta

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Batu Marang

pelbagai acara lain yang sememangnya memeriahkan lagi suasana kampung berkenaan.

Ketua Kampung Batu Marang, Awang Mohd. Nor Andy bin Haji Mohd. Said ketika ditemui berkata aktiviti sukan air ini bukan sekadar satu pertandingan, malah merupakan wadah untuk mengeratkan hubungan silaturahim, memupuk semangat perpaduan dan kerjasama dalam kalangan penduduk kampung.

Menurut Awang Mohd. Nor Andy, program itu juga turut berperanan memelihara dan meneruskan warisan budaya lumba perahu yang menjadi kebanggaan masyarakat Kampung Batu Marang sejak turun-temurun.

"Saya juga berharap agar penyertaan golongan belia dalam aktiviti seperti ini akan terus dipertingkatkan supaya warisan sukan air tradisional dapat dipelihara dan diwarisi oleh generasi akan datang," tambahnya lagi.

Adapun aktiviti Sukan Air Kampung Batu Marang 2026 merupakan sebuah program tahunan sebagai usaha

memelihara dan memartabatkan warisan sukan air tradisional yang telah lama menjadi identiti masyarakat Kampung Batu Marang.

Program tersebut bukan sahaja menjadi medan persaingan yang sihat, malah berfungsi sebagai platform untuk mengeratkan hubungan silaturahim serta memupuk semangat kerjasama dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, adanya program sedemikian dapat menghimpunkan seluruh penduduk kampung, para peserta, penaja serta pengunjung dalam suasana yang penuh semangat kesukanan, perpaduan dan kemasyarakatan.

MPK Batu Marang setentunya berharap agar program ini akan terus mendapat sokongan daripada pelbagai pihak serta menjadi acara tahunan yang mampu memperkukuhkan semangat perpaduan, mempromosikan budaya tempatan dan memperkenalkan Kampung Batu Marang sebagai sebuah kampung yang kaya dengan warisan, budaya dan semangat kemasyarakatan.

Sekolah Bakti Dewa adakan Hari Sukan Dwitahunan



SUASANA pada Hari Sukan Dwitahunan sekolah berkenaan yang berlangsung di Padang Kebajikan Berakas.

Oleh : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Ihsan Sekolah Bakti Dewa

BERAKAS, Isnin, 20 Julai. - Sekolah Bakti Dewa baru-baru ini menganjurkan Hari Sukan Dwitahunan yang menghimpunkan para pelajar, guru serta ibu bapa dari cawangan Jerudong, Berakas dan Tutong dalam suasana penuh semangat kesukanan dan muhibah komuniti.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi

menyaksikan acara serta memberikan sokongan kepada para atlet ialah Pengetua Sekolah Bakti Dewa, Pengiran Anak Hajah Haffezah Syukrina binti Pengiran Anak Haji Hassanuddin.

Acara telah berlangsung di Padang Kebajikan Berakas.

Hari Sukan sekolah tersebut bermula dengan upacara pembukaan yang meriah, didahului dengan sesi pemanasan badan dan Zumba melibatkan seluruh warga

sekolah sebelum diteruskan dengan perarakan lalu yang penuh warna-warni mewakili setiap rumah sukan.

Sepanjang temasya berlangsung, para pelajar mempamerkan semangat juang yang tinggi apabila bersaing dalam pelbagai acara trek olahraga termasuk larian pecut, lari berganti-ganti, acara padang serta teleperlakuan interaktif yang menguji kerjasama dan semangat berpasukan.

Antara acara yang mencuri tumpuan ialah

larian pecut bagi murid tadika, acara halangan sekolah rendah serta beberapa acara rekaan yang menghiburkan seperti Larian Kain Sarung dan Larian Dukung (Piggyback Run), yang berjaya menceriaikan suasana dan mendapat sambutan hangat daripada para penonton.

Selain pencapaian dalam bidang sukan yang dipertandingkan, sistem pemarkahan berstruktur juga digunakan untuk menentukan johan keseluruhan bagi temasya tersebut. Penilaian ini termasuklah kategori bukan sukan yang menilai semangat perpaduan dan tanggungjawab rumah sukan termasuk Sorakan Terbaik, Semangat Pasukan Terbaik, Hiasan Terbaik, dan Menjaga Kawasan Rumah Paling Bersih.

Susulan dengan penilaian yang diberikan, pasukan daripada Yellow Titans telah dinobatkan sebagai juara sekali gus menjulang trofi johan keseluruhan.

Penganjuran Hari Sukan Dwitahunan ini bukan sahaja menjadi platform untuk mencungkil bakat dan menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan pelajar, malah turut mengukuhkan hubungan antara sekolah, ibu bapa dan komuniti. Selaras dengan motto sekolah, 'Nurturing Potential Since 1980' (Memupuk Potensi Sejak 1980), Sekolah Bakti Dewa terus komited dalam melahirkan generasi pelajar yang yakin, cergas, berdisiplin dan berdaya saing.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SEBAIK-BAIK CARA UNTUK MEMBERSIHKAN HATI ADALAH DENGAN ZIKIR